2012

PROSPEK DAN DASAR PADA TAHUN 2013

87 Prospek Ekonomi Antarabangsa

89 *Rencana: Perubahan Struktur dalam Trend Pertumbuhan Global Selepas Krisis*

97 Ekonomi Malaysia

100 *Rencana: Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia*

102 *Rencana: Pelaburan Swasta di Malaysia: Pemacu dan Kemampanan*

108 *Rencana: Variasi dalam Kecenderungan Mengguna Isi Rumah Merentas Segmen Pendapatan*

111 *Rencana: Kesan Potensi Dasar Gaji Minimum terhadap Ekonomi Malaysia*

116 Dasar Monetari

117 Dasar Fiskal

PROSPEK EKONOMI ANTARABANGSA


Prospek pertumbuhan global dijangka bertambah baik pada tahun 2013. Risiko kewangan dan risiko dasar telah berkurang berbanding dengan keadaan sejak dua tahun yang lalu. Langkah-langkah dasar yang diperkenalkan pada separuh kedua tahun 2012 telah mengurangkan ketidakpastian dasar dan tekanan dalam pasaran kewangan. Dalam ekonomi maju, kadar pemulihan dijangka lemah, dengan perbezaan dalam kadar pertumbuhan mencerminkan tahap tekanan ekonomi dan kewangan yang dihadapi setiap ekonomi. Prospek bagi ekonomi sedang pesat membangun secara relatifnya lebih menggalakkan, meskipun mudah terdedah kepada perkembangan luaran. Bagi kebanyakan ekonomi ini, permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Faktor utama yang akan mempengaruhi kadar inflasi ialah harga komoditi, khususnya, minyak dan tanaman makanan. Secara keseluruhan, kadar pertumbuhan global akan bergantung pada kekukuhan pemulihan dalam aktiviti sektor swasta di Amerika Syarikat (AS), komitmen terhadap dasar-dasar berwibawa dan komprehensif untuk menyelesaikan krisis di kawasan euro serta kemampanan permintaan dalam negeri dalam ekonomi sedang pesat membangun.

Prospek pertumbuhan global dijangka bertambah baik pada tahun 2013

Ekonomi **AS** dijangka mencatat pertumbuhan yang sederhana, disokong oleh peningkatan dalam permintaan swasta. Ini dijangka dapat mengimbangi sebahagian daripada konsolidasi fiskal yang sedang dilaksanakan. Aktiviti penggunaan akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan yang diterajui sektor swasta, disokong terutamanya oleh pemulihan dalam pasaran perumahan dan pekerja. Peningkatan dalam pasaran perumahan menjelang separuh kedua tahun 2012, iaitu dari segi jualan,

Rajah 4.1

Pertumbuhan Dunia, Perdagangan Dunia dan Pertumbuhan Ekonomi Maju Utama (2012-2013)



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

pembinaan baharu dan harga, dijangka berterusan pada tahun 2013 berikutan persekitaran kadar faedah yang akomodatif. Perkembangan positif dalam pasaran perumahan telah pun memperlihatkan peningkatan dalam keyakinan pengguna dan guna tenaga, terutamanya dalam sektor pembinaan. Pasaran pekerja memperoleh manfaat berikutan wujudnya peluang pekerjaan yang berterusan, walaupun keadaan pasaran pekerja yang lebih baik ini sedikit sebanyak akan dihalang oleh kelemahan struktur semasa termasuk kadar pengangguran jangka panjang yang tinggi dan penurunan dalam kadar penyertaan tenaga kerja. Satu perkembangan penting ialah kedudukan kewangan isi rumah yang bertambah baik, dan kesannya terhadap keyakinan pengguna. Menjelang pertengahan tahun 2012, nilai bersih isi rumah meningkat sebanyak 27% sejak tahun 2009, disokong oleh pemulihan dalam harga rumah dan kemajuan yang dicapai dalam pembayaran balik hutang. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan ekonomi yang lebih cepat terus dihalang oleh masalah fiskal. Walaupun cenuram fiskal (fiscal cliff) sebahagiannya dapat dielakkan susulan persetujuan pada 1 Januari 2013 untuk melanjutkan tempoh potongan cukai terpilih dan bantuan pengangguran, namun langkah-langkah lain seperti tamatnya tempoh pelepasan cukai

atas gaji pekerja dan potongan sekuester, boleh menjejaskan kadar pemulihan.

Aktiviti ekonomi di **kawasan euro** dijangka kekal lemah disebabkan oleh halangan struktur dan konsolidasi fiskal yang berterusan. Meskipun ketegangan dalam pasaran kewangan telah berkurang, pertumbuhan yang lemah masih berterusan terutamanya dalam ekonomi-ekonomi yang dilanda krisis disebabkan oleh langkah penjimatan fiskal dan pelarasan struktur yang sedang dilaksanakan. Kemampanan kedudukan fiskal ekonomi-ekonomi yang dilanda krisis di kawasan euro masih menjadi isu penting, dengan hutang awam sekitar 90% hingga 171% pada tahun 2012. Aktiviti sektor swasta terus terjejas oleh syarat pembiayaan yang ketat dan pasaran pekerja yang lemah. Institusi kewangan terus menerima kesan daripada ekonomi-ekonomi yang dilanda krisis, sekali gus menghalang peruntukan kredit kepada ekonomi benar. Keadaan pasaran pekerja khususnya adalah lemah dalam ekonomi yang dilanda krisis seperti Sepanyol dan Greece, dengan kadar pengangguran masing-masing pada paras 26.2% dan 26.6% pada bulan November 2012. Pada peringkat serantau, keputusan dasar yang tertumpu pada pengukuhan kawasan euro, termasuk dalam bidang kesatuan perbankan dan kerjasama fiskal yang lebih rapat akan terus mempengaruhi pasaran kewangan, sentimen perniagaan dan seterusnya pertumbuhan.

Rajah 4.2

Ekonomi Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

Di **Jepun**, pertumbuhan ekonomi dijangka menjadi sederhana, mencerminkan kesan yang semakin berkurang daripada permintaan berkaitan pembinaan semula sejak dua tahun yang lalu, berikutan kelemahan aktiviti dalam negeri yang berpanjangan. Walaupun prestasi eksport Jepun dijangka pulih secara beransur-ansur, pertumbuhan akan disokong terutamanya oleh rangsangan monetari dan fiskal yang lebih besar. Yang penting, Bank of Japan baru-baru ini memperkenalkan sasaran kestabilan harga pada 2% dan komitmen ke arah pelonggaran monetari yang lebih agresif. Ini dijangka dapat menyokong usaha untuk mengatasi deflasi dan menggalakkan pertumbuhan. Di samping itu, kerajaan Jepun yang baru dipilih telah memperkenalkan pakej rangsangan sebanyak ¥10 trilion (2.5% daripada KDNK), yang merangkumi projek kerja raya dan peruntukan bantuan kewangan untuk perniagaan, yang secara kumulatif akan menyokong pemulihan ekonomi. Kadar pertumbuhan, bagaimanapun, terus bergantung pada keberkesanan transmisi daripada langkah-langkah dasar ini kepada aktiviti ekonomi benar.

Prestasi ekonomi di **Asia** dijangka lebih baik pada tahun 2013, didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan serta pengukuhan yang sederhana dalam permintaan eksport, terutamanya di rantau ini. Pelaburan infrastruktur yang diterajui kerajaan dijangka menyokong kekukuhan permintaan dalam negeri, khususnya dalam ekonomi ASEAN. Inisiatif ini termasuk perkongsian swasta-awam di Filipina, projek infrastruktur utama di Indonesia serta program peluasan rangkaian pengangkutan rel di Thailand dan Singapura. Pertumbuhan penggunaan akan terus disokong oleh peningkatan pendapatan berikutan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, akses pembiayaan yang berterusan serta sokongan dasar kerajaan, seperti pelaksanaan dan kenaikan dalam upah minimum di beberapa ekonomi serantau. Bagi ekonomi yang lebih terbuka, pertumbuhan akan disokong oleh peningkatan secara beransur-ansur dalam permintaan global apabila persekitaran luar bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi di RR China dijangka

Perubahan Struktur dalam Trend Pertumbuhan Global Selepas Krisis

Separuh dekad selepas dilanda krisis kewangan dunia, persekitaran ekonomi dunia masih berdepan dengan cabaran yang bersifat struktur dan kitaran. Aktiviti ekonomi di negara maju terus lembap, kerana usaha menangani masalah pengambilan hutang yang berlebihan, kelemahan yang berterusan dalam pasaran pekerja dan cabaran untuk membuat pembaharuan dalam rangka kerja keinstitusian sedia ada yang diwarisi ekonomi masing-masing. Ekonomi sedang pesat membangun, bagaimanapun, sedang menerajui pertumbuhan ekonomi global, di tengah-tengah usaha yang berterusan dalam pelaksanaan pembaharuan struktur untuk mempercepat peralihan pemacu pertumbuhan daripada eksport kepada permintaan dalam negeri. Pola pertumbuhan yang tidak simetri ini secara kumulatifnya menyumbang kepada kemunculan dunia yang makin bersifat berbilang polar, yang mungkin mempunyai implikasi mendalam kepada hubungan ekonomi antara negara dan dasar di seluruh dunia. Rencana ini bertujuan mengenal pasti perubahan struktur yang memacu pertumbuhan global, dengan fokus khusus pada Asia.


Kemelesetan Besar

Pada tahun 2008 hingga 2009, ekonomi global mengalami kemelesetan serentak yang paling teruk sejak Perang Dunia Kedua. Keluaran global menguncup sebanyak 2.2% manakala aktiviti perdagangan antarabangsa menurun sebanyak 12% berbanding dengan paras pada tahun 2005. Bagi menghadapi krisis ini, langkah-langkah dasar monetari dan fiskal yang bersifat kitaran balas yang pantas dan giat yang dilaksanakan oleh ekonomi maju dan juga ekonomi sedang pesat membangun berjaya mengurangkan kesan negatif daripada krisis ini dan merintis jalan ke arah pemulihan ekonomi pada tahun 2010.

Walaupun keluaran global beransur-ansur kembali kepada paras sebelum krisis, krisis tersebut mendedahkan banyak kelemahan struktur dalam ekonomi global, yang terutamanya sangat meruncing dalam ekonomi maju. Sebaliknya, ekonomi sedang pesat membangun menunjukkan daya tahan yang lebih tinggi dan telah mencakupi lebih daripada tiga perempat daripada pertumbuhan global antara tahun 2010 hingga 2012. Sumbangan ekonomi sedang pesat membangun dalam pertumbuhan global turut meningkat daripada 37% pada tahun 2000 kepada 49% pada tahun 2011, manakala sumbangan ekonomi maju mengalami penurunan yang setara (Rajah 1). Perbezaan dalam prestasi ekonomi menekankan perubahan dalam landskap ekonomi dan kewangan kepada persekitaran global yang baharu dengan pelbagai pusat pertumbuhan.

Rajah 1

Bahagian daripada KDNK Global




r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Dunia (IMF)

Rajah 2

Pertumbuhan Ekonomi Utama Terpilih Sejak Tahun 2005



Sumber: Haver


Kemunculan Dunia Berbilang Polar

Pemulihan yang perlahan dalam ekonomi maju

Sejak lima tahun yang lalu, pertumbuhan dalam ekonomi maju berpurata pada kadar yang lebih rendah sebanyak 0.5% (2000-2007: 2.6%). Kadar peningkatan keluaran ekonomi daripada paras sebelum kemelesetan dalam ekonomi utama telah ketinggalan dengan nyata berbanding dengan ekonomi sedang pesat membangun (Rajah 2). Prospek pertumbuhan ekonomi ini yang secara relatifnya lemah disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu pembayaran balik hutang sektor swasta, penjimatan fiskal, pengantaraan kewangan yang terjejas, serta ketegaran struktur dalam pasaran kerja. Faktor-faktor ini akan dihuraikan lebih lanjut dalam bahagian seterusnya.

Rajah 3

Nisbah Hutang Isi Rumah kepada Pendapatan Boleh Guna Peribadi



Sumber: Haver

1) Pembayaran balik hutang yang berterusan oleh sektor swasta

Halangan yang paling serta-merta kepada pemulihan ekonomi yang lebih kukuh berpunca daripada proses pembayaran balik hutang yang berterusan dalam kebanyakan ekonomi maju. Sejak dua dekad yang lepas, beberapa ekonomi maju mengalami pertumbuhan hutang yang berlebihan, yang mendorong ledakan penggunaan yang berlarutan. Yang ketara, trend keberhutangan isi rumah yang meningkat di beberapa ekonomi maju disokong oleh beberapa perkembangan penting dalam pasaran harta tanah dan pasaran kewangan. Peraturan penajajaminan gadai janji yang dilonggarkan dalam persekitaran mudah tunai yang banyak telah membolehkan isi rumah dengan kepercayaan kredit yang rendah untuk membeli harta tanah. Inovasi kewangan turut memudahkan pemilik kediaman untuk membuat pinjaman bersandarkan rumah yang terlebih nilai. Keadaan ini tidak dapat bertahan apabila kejatuhan harga rumah menyebabkan berlakunya kemungkiran, yang kemudiannya secara kumulatif menjejaskan permintaan agregat. Kesannya, isi rumah yang banyak berhutang terpaksa mengurangkan hutang dan membina semula kedudukan kekayaan yang terjejas teruk akibat ekuiti yang negatif dalam pasaran perumahan. Tinjauan daripada krisis sistemik yang lalu menunjukkan bahawa dalam kemerosotan kedudukan kewangan, proses pemulihan sering kali tertunda dan memakan masa yang lama (Reinhart and Reinhart, 2010). Pada masa ini, hutang isi rumah berbanding dengan pendapatan individu kekal tinggi menurut tahap keberhutangan pada masa lalu (Rajah 3). Ini menandakan bahawa proses pembayaran balik hutang masih berjalan dan akan terus mengekang aktiviti penggunaan swasta.

2) Penjimatan fiskal

Bagi menghadapi kemerosotan ekonomi yang teruk, kerajaan dalam ekonomi maju mengambil beberapa langkah rangsangan fiskal besar-besaran dan memberikan sokongan kepada institusi kewangan yang bermasalah melalui suntikan ekuiti dan jaminan hutang berskala besar. Kemerosotan kewangan kerajaan diburukkan lagi oleh operasi penstabil automatik seperti perbelanjaan yang lebih tinggi untuk bantuan pengangguran dan hasil cukai yang lebih rendah. IMF menganggarkan bahawa hampir separuh daripada peningkatan hutang awam dalam ekonomi maju berpunca daripada kehilangan hasil cukai secara automatik, sementara 17% lagi disebabkan oleh pakej rangsangan (Allen, 2012). Akibatnya, hutang awam ekonomi maju telah meningkat kepada paras yang sangat

tinggi selepas krisis, iaitu mencecah 105% daripada KDNK pada tahun 2011 (2001: 72%), dengan defisit fiskal sebanyak 4.7% daripada KDNK (2001: +0.7%). Oleh itu, kerajaan di ekonomi maju terpaksa mengurangkan perbelanjaan dan mengukuhkan kedudukan fiskal, lantas mempunyai keupayaan yang terhad untuk terus menyokong pemulihan ekonomi.

Melangkaui jangka masa terdekat ini, pemulihan kedudukan fiskal yang mampan kekal mencabar, disebabkan oleh halangan struktur asas yang lain. Khususnya, trend demografi yang tidak menggalakkan iaitu usia penduduk yang semakin tua serta nisbah tanggungan yang meningkat akan memberikan lagi tekanan pada kewangan awam. Ini akan mengekang keupayaan kerajaan untuk membiayai perbelanjaan awam yang meningkat bagi sistem penjagaan kesihatan dan pencen. Pada tahun 2008, perbelanjaan yang berkaitan dengan usia seperti perbelanjaan kesihatan dan pencen mencatat purata 13% daripada KDNK dalam ekonomi maju. Menjelang tahun 2030, perbelanjaan tersebut dijangka bertambah lagi sebanyak 4.5 mata peratusan untuk mencakupi 17.5% daripada KDNK, dengan itu memberikan lebih tekanan pada kedudukan fiskal mereka (IMF, 2010).


3) Pengantaraan kewangan yang terjejas
Institusi kewangan dalam ekonomi yang dilanda krisis turut mengurangkan hutang mereka bagi membaiki kedudukan kewangan. Ini telah menjejaskan keupayaan bank untuk menyediakan aliran kredit yang mencukupi bagi membiayai aktiviti ekonomi. Letusan gelembung perumahan mengakibatkan pengurangan yang serta-merta dan agak besar dalam nilai aset bank, kerana kemungkiran gadai janji oleh pemilik kediaman serta sekuriti berasaskan gadai janji mengalami penyusutan nilai yang ketara. Kedudukan kewangan turut terjejas oleh pengurangan nilai pemegangan sekuriti kerajaan ekoran kebimbangan yang meningkat tentang kemampanan fiskal dalam beberapa ekonomi maju. Persekitaran pengawalseliaan yang lebih ketat memburukkan lagi keadaan ini. Pada tahun 2012, bank-bank Eropah menjalani program pemodalan semula untuk menaikkan penampan modal kepada 9% dalam modal teras Kumpulan 1. Kemungkinan pelaksanaan keperluan yang lebih ketat pada masa hadapan seperti Basel III secara tidak langsung boleh mengetatkan piawaian pinjaman dan meningkatkan kos peminjaman untuk isi rumah, perniagaan, dan kerajaan. Walaupun tindakan dasar oleh bank-bank pusat baru-baru ini, seperti pengenalan *Operasi Twist* di AS dan *Outright Monetary Transaction* dalam kawasan euro, telah mengurangkan kos pemberian pinjaman jangka pendek dan melegakan sedikit tekanan pendanaan, banyak cabaran masih lagi wujud. Bank-bank Eropah dianggarkan terus mengalami kekurangan €400 bilion dalam modal (4.5% daripada KDNK kawasan euro). Pemberian kredit yang tidak mencukupi kepada ekonomi benar mungkin terus menjadi halangan utama terhadap pemulihan sepenuhnya.

4) Ketegaran guna tenaga
Dari segi guna tenaga, keadaan pasaran pekerja kekal lemah dalam kebanyakan ekonomi maju. Yang ketara, penjimatan fiskal yang berterusan dalam persekitaran ekonomi yang semakin tidak pasti secara kumulatif telah menjejaskan kadar pengambilan pekerja dan memburukkan lagi penyisihan pekerja daripada pasaran pekerja. Di AS dan UK, kadar pengangguran terus berada sekitar 8% dan dalam kebanyakan ekonomi di kawasan euro, kadar tersebut melebihi 11% (Rajah 4). Kelembapan aktiviti ekonomi memberikan kesan yang tidak seimbang kepada pekerja dalam industri yang lebih terjejas oleh krisis ini, seperti pembinaan dan perkhidmatan kewangan. Walau bagaimanapun, kehilangan pekerjaan ini kini menular kepada sektor lain yang tidak terbabit secara langsung dalam krisis pasaran kewangan seperti sektor perkilangan, sebahagiannya disebabkan oleh keyakinan pengguna yang lemah dan aliran kredit yang terjejas kepada pengguna.

Pemulihan yang lebih perlahan dalam guna tenaga juga merupakan simptom kepada trend lain yang bersifat struktur. Dengan ketidakpastian persekitaran global, sektor perniagaan mengamalkan sikap lebih berhati-hati dan semakin memilih untuk menggaji lebih banyak pekerja sementara. Sejak

Rajah 4

Kadar Pengangguran Belia dan Keseluruhan bagi Ekonomi Maju Terpilih



Sumber: Pihak Berkuasa Negara, Haver


bermulanya krisis global ini, pengambilan pekerja separuh masa telah meningkat lebih daripada 60% dalam ekonomi maju dan pekerjaan sementara juga lebih tinggi dalam 25% daripada ekonomi tersebut (ILO, 2012). Keadaan ini diburukkan lagi oleh ketidakpadanan geografi; iaitu pekerja yang mempunyai kemahiran yang dikehendaki tidak dapat menerima pekerjaan dalam pasaran geografi lain, lantas menyumbang kepada ketegaran pasaran pekerja dan pengangguran struktur yang lebih tinggi. Di AS dan UK, mobiliti pekerja yang lebih rendah sebahagiannya turut mencerminkan kesan kegawatan dalam pasaran harta tanah yang berterusan, di mana kebanyakan individu dengan gadai janji ekuiti yang negatif tidak dapat berpindah memandangkan harga rumah jatuh merundum.

Kadar pengangguran jangka panjang yang tinggi membawa implikasi dari segi kos sosial dan ekonomi yang serius seperti tuntutan manfaat pengangguran yang tinggi dan berterusan, kehilangan kemahiran yang kekal atau histeresis, dan risiko pergolakan sosial serta kemiskinan yang meningkat. Keadaan ini turut menjejaskan segmen penduduk berusia muda dengan lebih teruk berbanding dengan segmen penduduk yang lain. ILO menganggarkan bahawa pengangguran golongan muda dalam ekonomi maju telah meningkat kepada hampir 20% pada tahun 2012 daripada 11.7% pada tahun 2007. Keadaan ini lebih teruk dalam ekonomi yang mengalami kemelesetan, seperti Greece (55%), Sepanyol (53%) dan Portugal (39%). Penyisihan golongan muda daripada pasaran pekerja mungkin memberikan kesan negatif terhadap kebolehpasaran dan peningkatan upah pada masa akan datang, terutamanya apabila banyak pekerja berusia muda kini melakukan kerja yang berproduktiviti rendah.

Krisis ini turut memperlihatkan ketegaran struktur sedia ada yang lain dalam pasaran pekerja, yang mempunyai kesan ketara terhadap daya saing ekonomi maju secara keseluruhan. Banyak ekonomi maju mempunyai kos pekerja seunit yang tinggi kesan daripada struktur upah sedia ada. Kos ini tidak diimbangi sepenuhnya dengan peningkatan yang setara dalam produktiviti. Dalam kalangan ekonomi G7, pertumbuhan produktiviti (diukur sebagai perubahan dalam output bagi setiap jam bekerja) menunjukkan trend yang menurun sejak tahun 2005 sebelum menurun sebanyak 2.4% semasa kemuncak krisis pada tahun 2009. Keadaan ini amat kritikal di kawasan euro kerana peralihan ke arah kesatuan monetari telah meningkatkan kepentingan daya saing negara berdasarkan faktor benar seperti kos pekerja seunit. Perbezaan dalam imbuhan dan produktiviti pekerja telah menyebabkan daya saing yang berbeza dalam kalangan ekonomi kawasan euro, seperti yang ditunjukkan oleh perbezaan dalam ketidakseimbangan luaran dalam rantau itu (Rajah 5). Dalam hal ini, kerajaan ekonomi maju telah melaksanakan pembaharuan struktur dalam pasaran produk dan pasaran pekerja untuk meningkatkan daya saing, tetapi kesan positif hanya dapat dilihat dalam sektor ekonomi benar

Rajah 5

Imbangan Akaun Semasa Ekonomi Kawasan Euro Terpilih (% daripada KDNK)



a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Eurostat

dalam jangka sederhana. Melangkah ke hadapan, gabungan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan dan kelemahan yang mendalam dan berpanjangan dalam pasaran pekerja akan menyebabkan kadar pengangguran kekal tinggi, mengurangkan peningkatan pendapatan dan mewujudkan tekanan yang besar pada kewangan kerajaan.

Prospek dalam ekonomi sedang pesat membangun

Aktiviti ekonomi dalam ekonomi sedang pesat membangun kekal teguh. Menurut unjuran IMF, ekonomi sedang pesat membangun dijangka berkembang pada purata 6% setiap tahun dalam tempoh lima tahun akan datang. Pertumbuhan ekonomi di Asia semakin disokong oleh permintaan dalam negeri yang semakin kukuh, yang menyumbang kepada lebih dua pertiga daripada pertumbuhan di rantau itu pada tahun 2011. Ekonomi Asia telah mengharungi pergolakan ekonomi dunia dengan baik secara relatif berbanding dengan negara-negara maju. Sejurus selepas krisis ini, pakej rangsangan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa memainkan peranan penting untuk mengurangkan kesan negatif daripada perdagangan global yang lebih lemah. Di samping itu, pembaharuan dasar dan pasaran yang dilaksanakan sebagai tindak balas terhadap krisis kewangan Asia 1997/98 telah memperkukuh asas makroekonomi dan daya tahan pasaran kewangan rantau ini, yang membolehkan langkah-langkah pengembangan kitaran balas ini dipindahkan dengan cepat kepada ekonomi benar.

Pengalaman yang diperoleh daripada krisis kewangan global ini memberikan beberapa pengajaran penting kepada rantau ini. Permintaan global yang lemah menekankan perlunya pembaharuan ekonomi yang berterusan di Asia untuk mengorientasikan semula pertumbuhan ke arah permintaan dalam negeri. Di luar sempadan negara, krisis ini turut mempercepat usaha untuk mengeratkan lagi hubungan ekonomi intrarantau dan antara rantau. Memandangkan pemulihan ekonomi semasa mengambil masa yang lama, cabaran terhadap pertumbuhan adalah berdasarkan usaha untuk menjana dan mengekalkan sumber pertumbuhan yang baharu di samping memanfaatkan trend sedia ada yang lebih baik.

Kemampanan kadar pertumbuhan di Asia pada masa hadapan akan turut disokong oleh beberapa faktor struktur. **Pertambahan penduduk kelas pertengahan yang pesat** di Asia akan menyumbang kepada peralihan ke arah penggunaan dalam negeri yang lebih tinggi dalam ekonomi serantau. Peralihan ini sedang berlaku, dengan penggunaan swasta menyumbang kepada hampir separuh daripada pertumbuhan Asia pada tahun 2011. Di Negara Membangun Asia[1], bahagian penduduk kelas pertengahan[2] telah meningkat sekali ganda kepada 56% daripada jumlah penduduk pada tahun 2008 (1990: 21%). Menjelang tahun 2030, penduduk kelas pertengahan di negara membangun Asia dijangka mencakupi 42% daripada perbelanjaan global, menyerlahkan perkembangan peranan rantau ini sebagai asas pengguna yang penting untuk ekonomi dunia (Chun, 2010).

Selain itu, Asia turut mengalami kadar urbanisasi dan peningkatan taraf hidup yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Menjelang tahun 2025, lebih 2 bilion penduduk Asia, yang mencakupi separuh daripada penduduk bandar di dunia, dijangka tinggal di bandar. Perkembangan ini dijangka menyumbang kepada orientasi semula ekonomi serantau ke arah pertumbuhan berasaskan dalam negeri yang lebih kukuh. Selain itu, lebih banyak inisiatif pelaburan awam dijangka diwujudkan bagi menangani keperluan infrastruktur rantau ini. Secara khusus, keperluan infrastruktur Asia dianggarkan berjumlah USD8 trilion bagi tempoh 2010-2020 (ADB, 2009).

---

[1] Negara Membangun Asia - Armenia, Azerbaijan, Bangladesh, Kemboja, Republik Rakyat China, Georgia,India,Indonesia, Kazakhstan, Republik Kyrgyz, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Mongolia, Nepal, Pakistan, Filipina, Sri Lanka, Tajikistan,Thailand, Turkmenistan, Uzbekistan, Vietnam (ADB, 2010).

[2] Kelas Pertengahan – penduduk dengan perbelanjaan USD2-20/hari.
Kelas Atasan – penduduk dengan perbelanjaan >USD20/hari (ADB, 2010).

Dari perspektif antarabangsa, **hubungan ekonomi yang lebih erat antara ekonomi sedang pesat membangun** dalam bentuk aliran perdagangan dan pelaburan akan membolehkan pempelbagaian pasaran yang lebih luas. Dengan itu, pergantungan yang berlebihan terhadap ekonomi maju dapat dikurangkan. Sumbangan eksport ekonomi Asia Timur yang sedang pesat membangun kepada ekonomi maju telah menunjukkan penurunan yang berterusan sejak tahun 1990. Yang ketara, eksport Asia Timur[3] kepada ekonomi G3 telah menurun kepada paras 22% daripada jumlah eksport ekonomi Asia Timur berbanding dengan 31% sedekad lalu. Ini disebabkan terutamanya oleh trend perdagangan intrarantau yang meningkat, yang pada masa ini mencakupi kira-kira separuh daripada jumlah perdagangan Asia. Memandangkan penggunaan dalam rantau ini sendiri dijangka meningkat, banyak ekonomi di Asia dapat manfaat daripada konfigurasi perdagangan antarabangsa yang baharu ini untuk memenuhi permintaan dalam negeri yang semakin meningkat di rantau ini. Pelaburan langsung asing dalam rantau ini turut menjadi lebih penting, dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 20% setahun sepanjang sedekad lepas. Perkembangan yang menggalakkan ini disokong oleh kemunculan firma pelbagai hala tempatan, selain peluang perniagaan yang lebih banyak dalam rantau ini.

Di Asia, hubungan menjadi lebih erat apabila pihak berkuasa memanfaatkan kumpulan dan rangkaian intrarantau yang sedia ada untuk memupuk pemuafakatan dan kerjasama dalam bidang kepentingan utama. Perikatan yang diperkukuh seperti Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) serta ASEAN+3 menyerlahkan kerjasama ekonomi yang kian meningkat di Asia. Beberapa negara serantau turut mengadakan perjanjian dua hala untuk menggunakan mata wang domestik dalam penyelesaian perdagangan dan perjanjian gadaian merentas sempadan, yang bertujuan untuk menambah kemudahan mudah tunai kepada institusi kewangan. Usaha tersebut secara kumulatif menyumbang kepada pengukuhan hubungan ekonomi dan kewangan dalam Asia.

Pembaharuan struktur juga telah diteruskan dengan gigih. Kerajaan serantau kini memberikan tumpuan pada usaha menggalakkan dasar yang bertujuan meningkatkan pendapatan isi rumah dan mengurangkan simpanan awasan (*precautionary savings*). Ini termasuk pembaharuan insurans kesihatan dan liputan pencen yang dilanjutkan serta pembaharuan sektor kewangan untuk memperkukuh rangkuman kewangan. Di Asia, penambahbaikan skim jaring keselamatan sosial seperti gaji minimum telah memainkan peranan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah yang mempunyai kecenderungan mengguna yang paling tinggi, seterusnya meningkatkan aktiviti penggunaan.

Akhir sekali, integrasi **peserta global baharu** ke dalam pasaran akan terus mengubah landskap pekerja, penggunaan, dan pengeluaran global. Sejak beberapa dekad yang lalu, rantau sedang pesat membangun yang baharu telah mengorak langkah penting ke arah mewujudkan sistem ekonomi yang lebih berorientasikan pasaran, dalam keadaan halangan birokratik yang lebih rendah terhadap aktiviti perdagangan dan pelaburan. Pembaharuan ini telah bertapak kukuh di Asia sepanjang sedekad yang lepas. Negara-negara sedang pesat membangun ASEAN seperti Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam telah membuat pembaharuan yang mendalam dan penting, yang membantu liberalisasi pasaran domestik mereka. Meskipun empat ekonomi ini mencakupi 9% daripada KDNK ASEAN pada masa ini (2011), pertumbuhannya telah mencatat purata 6.6% sejak lima tahun yang lalu. Keadaan ini menyerlahkan potensi rantau ini sebagai pusat penggunaan baharu dan asas pelaburan buat pelabur. Ini secara kumulatif akan meningkatkan prospek pertumbuhan rantau Asia.

[3] Ekonomi Asia Timur terdiri daripada RR China, Hong Kong, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Korea, China Taipei dan Thailand.

Perkembangan Baharu Ekonomi Global

Gabungan perkembangan ini menunjukkan bahawa kesan selepas krisis baru-baru ini pada dasarnya adalah berbeza berbanding dengan krisis-krisis sebelum ini. Ekonomi global pada masa ini sedang melalui suatu "perkembangan baharu" (*new normal*). Pertumbuhan dalam ekonomi maju dijangka terjejas oleh usaha yang berterusan untuk menggalakkan pembaharuan struktur dan pembayaran balik hutang oleh kerajaan, institusi kewangan dan pengguna. Berlatarkan perkembangan ini, ekonomi sedang pesat membangun terutamanya di Asia akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan global, dengan memanfaatkan trend yang menggalakkan seperti perdagangan intrarantau yang semakin meningkat dan peralihan yang lebih cepat ke arah pertumbuhan yang didorong oleh permintaan dalam negeri. Walaupun faktor-faktor ini akan memainkan peranan penting untuk mengurangkan kesan permintaan yang lebih rendah dalam ekonomi maju, namun ekonomi sedang pesat membangun tidak terlindung sepenuhnya daripada kesan persekitaran luar yang lebih lemah ini. Sebagai contoh, pada pertengahan tahun 2012, permintaan dalam negeri di Asia menunjukkan tanda-tanda lebih sederhana berikutan kelemahan yang berterusan dalam ekonomi maju. Berdasarkan kesemua faktor ini, walaupun ekonomi global dijangka terus bertambah baik, pemulihannya mungkin berdepan dengan risiko penurunan yang berpanjangan dengan pengagihan yang terus tidak seimbang.

Memandang jauh ke hadapan, trend struktur global seperti aktiviti urbanisasi yang berterusan, kemajuan teknologi, serta demografi yang berubah-ubah juga akan memainkan peranan penting dalam membentuk semula landskap ekonomi dan kewangan global. Yang penting, usaha untuk meningkatkan daya tahan, fleksibiliti, dan kecekapan ekonomi akan menjadi fokus dasar yang utama di kebanyakan rantau, khususnya berhubung dengan pengagihan sumber yang terhad dan penyediaan infrastruktur yang mencukupi. Di luar sempadan negara, "perkembangan baharu" ekonomi global memerlukan perspektif dasar melangkaui pertimbangan kitaran dan domestik ke arah pembentukan dasar yang bersifat awalan dan global. Dalam hal ini, pembaharuan struktur dan keinstitusian akan memainkan peranan penting dalam mewujudkan pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan.

Rujukan

Allen, M. (2012), 'Current Fiscal Problems of Advanced Economies', IMF Presentation to Joint Vienna Institute, Slide 6.

ASEAN Community in Figures 2011, ASEAN Secretariat, April 2012.

Asian Development Bank dan Asian Development Bank Institute (2009), 'Infrastructure for a Seamless Asia', 4 (Tokyo: ADB/ADBI). Available from www.adbi.org/files/2009.08.31.book.infrastructure.seamless.asia.pdf.

Chun, N. (2010), 'Middle Class Size in the Past, Present, and Future: A Description of Trends in Asia', ADB Economic Working Paper Series No. 217, 10-23.

International Labour Organization (2012), World of Work Report 2012, 'Better Jobs for a Better Economy', 6.

International Monetary Fund (2010), 'From Stimulus to Consolidation: Revenue and Expenditure Policies in Advanced and Emerging Economies', IMF Fiscal Affairs Department, 12-15.

Reinhart, R. dan Reinhart, V. (2010), 'After the Fall', National Bureau of Economic Research Working Paper 16334, 3.

kekal kukuh, dengan aktiviti ekonomi dalam negeri dijangka menjadi lebih giat pada tahun itu. Meskipun kerajaan China kekal komited untuk menyusun semula ekonomi melalui usaha meningkatkan penggunaan, pelaburan yang disasarkan, terutamanya dalam projek infrastruktur, akan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan pada tempoh yang terdekat.

Inflasi global dijangka kekal sederhana sejajar dengan peningkatan yang sederhana dalam permintaan global. Dalam ekonomi maju, asas tekanan inflasi dijangka kekal lemah, mencerminkan kapasiti yang berlebihan dan permintaan yang lemah dalam ekonomi tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda tekanan inflasi tarikan permintaan yang lebih tinggi dalam ekonomi sedang pesat membangun, berikutan aktiviti dalam negeri yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, dari segi penawaran, risiko inflasi tolakan kos dijangka terus dibendung, memandangkan jangkaan kenaikan yang sederhana dalam harga komoditi global. Namun begitu, terdapat risiko kenaikan harga yang mendadak secara berkala dalam harga komoditi seperti yang telah dialami sejak dua tahun yang lalu. Dalam pasaran minyak, pergolakan di Timur Tengah dan Afrika Utara yang menjadi bertambah buruk mungkin mendorong kenaikan dalam harga minyak mentah. Di samping itu, harga makanan mudah dipengaruhi oleh keadaan turun naik pasaran memandangkan paras inventori bijirin ruji yang rendah di beberapa pasaran eksport utama dan kemungkinan gangguan bekalan disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk. Risiko harga komoditi yang lebih tinggi juga mungkin berpunca daripada permintaan yang lebih besar berikutan aliran masuk kewangan yang semakin meningkat ke dalam pasaran ini.

Meskipun prospek pertumbuhan global bertambah baik, **risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah** masih ada. Di kawasan euro, langkah-langkah dasar yang dilaksanakan pada bahagian akhir tahun 2012 telah mengurangkan risiko krisis yang teruk, tetapi halangan utama dasar masih belum dapat diselesaikan. Krisis hutang kerajaan di Eropah mungkin kembali buruk sekiranya kemajuan selanjutnya dalam rancangan penyelesaian krisis dan langkah pembaharuan tidak dapat dicapai. Kenaikan semula dalam kos peminjaman kerajaan akan menjejaskan proses pemulihan yang lemah dan akan menghalang kemajuan yang telah dicapai. Di samping itu, konsolidasi fiskal yang lebih nyata daripada jangkaan dalam ekonomi yang dilanda krisis boleh melembapkan prospek pertumbuhan dalam tempoh terdekat.

Meskipun terdapat prospek pertumbuhan yang berbeza antara ekonomi maju dengan ekonomi sedang pesat membangun, namun ekonomi sedang pesat membangun menghadapi cabaran yang berbeza. Pertama, pelonggaran dasar berskala besar dalam ekonomi utama telah menjana mudah tunai dalam jumlah yang sangat besar, yang kemudiannya telah mendorong kepada pencarian hasil di seluruh dunia. Oleh itu, aliran masuk modal yang banyak ke dalam ekonomi sedang pesat membangun dijangka berterusan. Aliran masuk ini boleh mengakibatkan ketidakstabilan makroekonomi dan kewangan di samping boleh menyebabkan kenaikan yang berlebihan dalam kadar pertukaran dan harga aset di negara-negara penerima. Kedua, ekonomi sedang pesat membangun mungkin menghadapi tekanan inflasi yang lebih tinggi disebabkan oleh harga makanan dan komoditi yang semakin meningkat. Tekanan menaik terhadap harga boleh menjadi kenyataan sekiranya berlaku gangguan bekalan yang berpunca daripada keadaan cuaca yang buruk dalam keadaan inventori yang rendah untuk komoditi makanan terpilih. Gabungan faktor ini akan memberikan cabaran kepada pembuat dasar dalam mengimbangi risiko antara pertumbuhan ekonomi dengan inflasi, dalam keadaan persekitaran ekonomi global yang terus tidak menentu.

Terdapat juga kemungkinan pertumbuhan akan meningkat dengan lebih kukuh. Di AS, pemulihan yang lebih kukuh daripada jangkaan dalam pasaran perumahan mungkin menyokong sentimen perniagaan dan pengguna, secara kumulatif mendorong pengukuhan pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta. Kemajuan dalam penetapan dasar yang berwibawa di Eropah telah menyumbang kepada keadaan pasaran kewangan yang beransur-ansur bertambah baik, yang mungkin memudahkan peningkatan dalam aktiviti ekonomi di rantau itu. Pemulihan yang lebih kukuh akan memberikan manfaat kepada negara lain di seluruh dunia melalui aktiviti perdagangan yang lebih kukuh dan keadaan ekonomi yang lebih pasti.

EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang stabil sebanyak 5–6% pada tahun 2013. Aktiviti ekonomi dijangka ditegarkan oleh permintaan dalam negeri yang terus berdaya tahan dan disokong oleh sektor luaran yang beransur-ansur bertambah baik.

Permintaan dalam negeri, yang mencatat kadar pertumbuhan tertinggi sejak sedekad yang lalu pada tahun 2012, dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada tahun 2013, walaupun pada kadar pertumbuhan yang lebih sederhana. Pertumbuhan pelaburan awam dan swasta dijangka kekal kukuh, setelah perbelanjaan modal mencatat pertumbuhan yang tinggi pada tahun 2012. Pelaburan swasta dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan dua angka, didorong oleh peningkatan berterusan kapasiti firma berorientasikan dalam negeri, pelaksanaan berterusan projek dengan tempoh penyiapan yang lama dan peningkatan secara beransur-ansur dalam permintaan luar negeri. Penggunaan swasta diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada separuh tahun kedua, tetapi akan terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Perbelanjaan sektor awam juga dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih rendah berikutan konsolidasi dalam kedudukan fiskal Kerajaan yang sedang dilaksanakan dan peranan sektor swasta yang semakin penting.

Jadual 4.1

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2005=100)

	2012*a*	2013*r*	2012*a*	2013*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Permintaan dalam negeri[1]	**10.6**	**8.1**	**9.2**	**7.3**
Perbelanjaan sektor swasta	10.7	9.1	6.8	6.0
Penggunaan	*7.7*	*7.1*	*3.8*	*3.6*
Pelaburan	*22.0*	*15.6*	*3.0*	*2.4*
Perbelanjaan sektor awam	10.3	5.4	2.4	1.3
Penggunaan	*5.0*	*3.6*	*0.7*	*0.5*
Pelaburan	*17.1*	*7.5*	*1.7*	*0.8*
Perubahan dalam stok			**0.3**	**-0.2**
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-29.4**	**-19.1**	**-3.8**	**-1.7**
Eksport	0.1	1.8	0.1	1.7
Import	4.5	3.9	3.9	3.4
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**5.6**	**5.0 ~ 6.0**	**5.6**	**5.0 ~ 6.0**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang stabil sebanyak 5-6% pada tahun 2013

Sejajar dengan kadar pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana, import barangan modal dan penggunaan juga dijangka menjadi sederhana. Walau bagaimanapun, import barangan pengantara dijangka berubah arah dan mencatat pertumbuhan yang positif kerana persekitaran ekonomi global yang bertambah baik akan mendorong peningkatan dalam eksport perkilangan. Secara khususnya, eksport bukan elektrik dan elektronik (bukan E&E) dijangka memperoleh manfaat daripada prospek pertumbuhan ekonomi serantau yang positif. Sementara itu, eksport elektrik dan elektronik (E&E) dijangka mengalami penguncupan yang lebih kecil berikutan usaha berterusan oleh pengilang-pengilang untuk mempelbagaikan produk pengeluaran mereka dan beralih kepada subsegmen telekomunikasi mudah alih yang sedang berkembang pesat. Pemulihan dalam eksport perkilangan, bagaimanapun, akan diimbangi sebahagiannya oleh eksport komoditi yang lebih rendah, disebabkan oleh jangkaan harga komoditi yang menurun. Eksport perkhidmatan dijangka lebih tinggi disebabkan oleh akaun perjalanan yang lebih kukuh sejajar dengan kempen promosi menjelangnya Tahun Melawat Malaysia 2014, manakala pertumbuhan import perkhidmatan dijangka lebih perlahan berikutan jumlah import yang lebih rendah. Secara keseluruhannya, dengan pemulihan eksport yang beransur-ansur dan pertumbuhan import yang lebih rendah, sumbangan negatif eksport bersih barangan dan perkhidmatan kepada pertumbuhan benar dijangka lebih rendah

Pertumbuhan Menyeluruh merentas Semua Sektor

Dari segi penawaran, semua sektor utama ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan yang berterusan pada tahun 2013. Sektor perkhidmatan dan perkilangan dijangka menjadi penyumbang utama pertumbuhan keseluruhan, didorong oleh permintaan dalam negeri yang terus berdaya tahan serta disokong oleh persekitaran ekonomi global yang beransur-ansur bertambah baik yang dijangka mendorong aktiviti perdagangan antarabangsa.

Aktiviti berkaitan penggunaan dalam sektor perkhidmatan seperti perdagangan runcit, penginapan dan restoran akan terus disokong oleh perbelanjaan sektor swasta. Ketibaan pelancong dijangka meningkat berikutan sambutan terhadap kempen promosi menjelang Tahun Melawat Malaysia 2014. Pertumbuhan dalam subsektor kewangan dan insurans diunjurkan terus kukuh, mencerminkan permintaan terhadap pembiayaan yang terus teguh khususnya oleh sektor perniagaan.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Sektor (2005=100)

	2012*a*	2012*a*	2013*r*	2012*a*	2013*r*
	% daripada KDNK[1]	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)[1]	
Perkhidmatan	54.6	6.4	5.5	3.5	3.0
Perkilangan	24.9	4.8	4.9	1.2	1.2
Perlombongan dan kuari	8.4	1.4	5.0	0.1	0.4
Pertanian	7.3	0.8	4.0	0.1	0.3
Pembinaan	3.4	18.5	15.9	0.6	0.5
KDNK Benar	**100.0**	**5.6**	**5.0 ~ 6.0**	**5.6**	**5.0 ~ 6.0**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Industri berorientasikan dalam negeri dalam sektor perkilangan, khususnya kelompok berkaitan pengguna, seperti makanan dan pengangkutan, dijangka memperoleh manfaat daripada pertumbuhan penggunaan swasta yang berterusan. Kelompok perkilangan berkaitan pembinaan juga dijangka mencatat prestasi yang baik. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan akan dipacu oleh subsektor kejuruteraan awam disebabkan oleh momentum aktiviti pembinaan dalam subsektor minyak dan gas, pengangkutan dan utiliti yang dijangka kekal kukuh.

Prestasi industri perkilangan berorientasikan eksport seperti E&E dan kelompok berkaitan sumber dijangka meningkat sejajar dengan pemulihan secara beransur-ansur dalam ekonomi maju dan pertumbuhan yang mampan dalam ekonomi serantau. Kelompok E&E akan terus disokong oleh permintaan terhadap keluaran dalam segmen pengguna dan telekomunikasi. Dalam kelompok berkaitan sumber, pertumbuhan dijangka disokong oleh permintaan yang kukuh dari negara serantau, terutamanya bagi keluaran berasaskan sumber seperti keluaran petroleum ditapis, kimia dan keluaran kimia serta keluaran getah. Jumlah perdagangan yang lebih tinggi dan prestasi keseluruhan sektor perkilangan yang lebih baik juga akan memberikan manfaat kepada subsektor perkhidmatan berkaitan perdagangan dan perkilangan, seperti perdagangan borong, pengangkutan dan penyimpanan serta utiliti.

Dalam sektor komoditi, pertumbuhan dalam sektor pertanian dan perlombongan dijangka meningkat pada tahun 2013. Sektor pertanian dijangka berkembang sebanyak 4% pada tahun 2013, disokong oleh pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) dan komoditi makanan yang lebih tinggi, terutamanya ternakan dan sayur-sayuran. Pengeluaran MSM dijangka meningkat disebabkan oleh kadar hasil yang bertambah baik berikutan keadaan cuaca yang lebih baik, disokong oleh bekalan daripada pokok yang baru matang. Sektor perlombongan dijangka lebih kukuh ekoran pengeluaran gas asli, minyak mentah serta kondensat yang lebih tinggi.

pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, pertumbuhan import dijangka terus mengatasi pertumbuhan eksport di samping defisit yang berterusan dalam akaun pendapatan dan pindahan semasa. Walaupun lebihan akaun semasa masih kekal besar, tetapi lebihan ini dijangka terus mengecil pada tahun 2013.

Asas-asas ekonomi dijangka terus kukuh, dan terus menyokong prospek pertumbuhan ekonomi. Yang penting, keadaan pasaran pekerja dijangka terus menggalakkan, dengan kadar pengangguran diunjurkan kekal rendah pada 3.1% daripada tenaga kerja pada tahun 2013. Di samping itu, sistem kewangan terus berdaya tahan untuk menghadapi persekitaran luar yang semakin mencabar, dengan pengantaraan kewangan dijangka terus memberikan sokongan padu kepada aktiviti ekonomi dalam negeri. Kekukuhan kedudukan luaran Malaysia kekal mantap, dengan rizab antarabangsa berada pada paras yang kukuh dan hutang luar negeri kekal rendah serta berada pada paras yang berhemat.

Inflasi keseluruhan dijangka pada purata 2-3% pada tahun 2013. Unjuran inflasi ini mengambil kira jangkaan harga global komoditi makanan terpilih yang lebih tinggi serta pelarasan terhadap harga ditadbir dalam negeri. Tekanan harga yang didorong permintaan dijangka menjadi sederhana. Julat unjuran yang lebih luas ini mencerminkan ketidakpastian yang lebih besar dalam perkembangan di dalam dan luar negeri.

Inflasi keseluruhan dijangka pada purata 2-3%

Walau bagaimanapun, dengan persekitaran luar yang semakin mencabar, risiko terhadap prospek pertumbuhan masih ada. Seperti pada tahun 2012, kemungkinan kemunculan semula ketidakstabilan di kawasan euro dan pertumbuhan yang lebih perlahan bagi rakan perdagangan utama Malaysia mungkin memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia. Walaupun tekanan daripada harga komoditi global telah berkurang, risiko daripada tekanan yang berpunca daripada faktor bukan asas seperti keadaan cuaca yang buruk serta perkembangan geopolitik boleh menyebabkan harga komoditi menjadi lebih tinggi dan menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi rakan perdagangan utama Malaysia. Ekonomi dalam negeri juga berpotensi mencatat pertumbuhan lebih tinggi sekiranya pemulihan dalam ekonomi-ekonomi maju mencatat pertumbuhan yang lebih baik daripada jangkaan. Khususnya, pemulihan dalam pasaran perumahan yang lebih kukuh daripada jangkaan mungkin menyumbang kepada prestasi ekonomi AS yang lebih baik.

Permintaan dalam negeri terus menegarkan pertumbuhan

Berikutan prestasi kukuh yang dicatat pada tahun 2012, permintaan dalam negeri dijangka berkembang sebanyak 8.1% pada tahun 2013. Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai penyumbang dan peneraju utama pertumbuhan ekonomi, disokong terutamanya oleh pelaburan dan penggunaan sektor swasta. Meskipun akan terus menyokong pertumbuhan, perbelanjaan sektor awam dijangka meningkat pada kadar yang lebih sederhana berikutan konsolidasi fiskal yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Peningkatan modal oleh perusahaan awam (PA) juga akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan pelaburan awam dalam keadaan perbelanjaan pembangunan Kerajaan yang mampan.

Perbelanjaan sektor swasta kekal berdaya tahan dalam keadaan konsolidasi sektor awam

Pelaburan swasta dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan dua angka sebanyak 15.6% pada tahun 2013. Pelaburan swasta akan disokong oleh penggunaan dalam negeri, pemulihan secara beransur-ansur dalam permintaan luar negeri dan iklim pelaburan yang terus bertambah baik. Keadaan perniagaan yang menggalakkan ini akan terus menyokong projek yang sedang dilaksanakan yang mempunyai tempoh penyiapan yang lama. Seperti tahun 2012, perbelanjaan modal dijangka kekal menyeluruh merentas sektor dan rantau.


Dalam sektor perkhidmatan, perbelanjaan modal diunjurkan terus meningkat, terutamanya dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Firma-firma dalam subsektor perdagangan runcit dan restoran dijangka menubuhkan cawangan baharu, manakala pelaburan dalam segmen telekomunikasi dan penerbangan akan didorong oleh penambahbaikan infrastruktur dan peningkatan kapasiti. Pertumbuhan dalam pelaburan harta kediaman juga dijangka kekal

Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia

Keluaran potensi ialah anggaran paras tertinggi keluaran yang dapat dihasilkan oleh sesebuah ekonomi dalam persekitaran tanpa tekanan inflasi. Keluaran potensi menunjukkan kadar pertumbuhan mampan yang dapat dicapai oleh sesebuah ekonomi sejajar dengan input yang tersedia untuk digunakan dalam pengeluaran, iaitu modal, tenaga kerja dan teknologi. Apabila keluaran sebenar melebihi keluaran potensi, penggunaan input produktif adalah tinggi dan tekanan inflasi berkemungkinan meningkat. Sebaliknya, tekanan inflasi lazimnya menurun apabila keluaran sebenar di bawah paras keluaran potensi.

Rajah 1

KDNK Sebenar dan Potensi



r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Anggaran terkini[1] menunjukkan bahawa pertumbuhan keluaran potensi Malaysia meningkat daripada julat 4.5-5.0% pada tahun 2011 kepada 5.0-5.5% pada masa ini. Pertumbuhan yang kukuh dalam pelaburan swasta dan awam pada tahun 2012 menyumbang kepada kadar pengumpulan modal yang tinggi, seterusnya meningkatkan lagi keluaran potensi disebabkan oleh peningkatan dalam kapasiti produktif ekonomi. Keadaan tenaga kerja turut bertambah baik apabila jumlah tenaga kerja meningkat pada kadar yang lebih pantas iaitu 3.5% pada tahun 2012 (2011: 3.0%). Jurang keluaran, yang menggambarkan perbezaan antara keluaran sebenar dengan keluaran potensi, kekal hampir pada paras sifar. Ini menunjukkan bahawa ekonomi negara tidak mengalami tekanan harga yang tinggi, selaras dengan inflasi yang stabil pada kadar 1.6% yang dicatat pada tahun tersebut.

Pada tahun 2013, keluaran potensi diunjurkan terus meningkat dalam julat 5.0-5.5%, dengan jurang keluaran pula kekal kecil. Pertumbuhan keluaran potensi dijangka didorong oleh jumlah tenaga kerja yang semakin meningkat serta pengembangan dalam stok modal, lantaran pertumbuhan yang mampan dalam pelaburan swasta.

1 Pembaca yang berminat boleh merujuk nota teknikal yang bertajuk "Keluaran Potensi dan Jurang Keluaran di Malaysia" dalam Buletin Suku Tahunan BNM S2 2012 (m.s. 18-25) untuk huraian lanjut penggunaan metodologi dalam anggaran keluaran potensi.

kukuh, disokong oleh pembinaan harta kediaman mewah dan aktiviti yang semakin meningkat dalam segmen harta kediaman kos sederhana. Pelaburan dalam subsektor perkhidmatan perniagaan dengan nilai ditambah yang tinggi, terutamanya dalam perkhidmatan kejuruteraan, seni bina dan IT juga dijangka berkembang.

Dalam sektor perkilangan, pelaburan akan dipacu oleh kelompok perkilangan berorientasikan dalam negeri dan yang berkaitan sumber. Pelaburan dalam kelompok berkaitan pembinaan, terutamanya keluli dan simen, akan dipacu oleh permintaan daripada aktiviti pembinaan yang kukuh, manakala peningkatan pelaburan oleh firma-firma dalam kelompok berkaitan pengguna, seperti makanan dan minuman serta kenderaan bermotor, akan disokong oleh pertumbuhan penggunaan dalam negeri yang stabil. Di samping itu, permintaan serantau dan usaha untuk mengembangkan industri petrokimia hiliran di Malaysia dijangka akan menyokong pelaksanaan projek dalam kelompok perkilangan berkaitan sumber. Peningkatan kapasiti dalam industri E&E akan disokong oleh permintaan luar negeri yang beransur-ansur bertambah baik, serta pempelbagaian dalam pengeluaran produk baharu dan dalam bidang pertumbuhan baharu, khasnya industri peralatan perubatan dan komponen E&E khusus. Selain itu, usaha oleh firma untuk melaksanakan automasi dan melabur dalam jentera yang baharu dijangka berterusan pada tahun 2013 apabila firma mengambil kira kos yang makin meningkat dan pelaksanaan dasar gaji minimum. Perkembangan ini dijangka merangsang industri perkilangan Malaysia ke arah menghasilkan barangan dengan nilai ditambah yang lebih tinggi.

Momentum pertumbuhan yang kukuh dalam pelaburan perlombongan dijangka berterusan pada tahun 2013, disokong oleh harga tenaga global yang kukuh, pembinaan kemudahan pengeluaran yang sedang dilaksanakan di bawah projek sedia ada serta sokongan seterusnya oleh aktiviti berkaitan penerokaan dan tinjauan medan minyak yang baharu. Pelaksanaan projek pembangunan huluan seperti kelompok medan laut dalam Gumusut-Kakap dan Malikai serta Kebabangan juga akan memberikan manfaat kepada segmen pembinaan kejuruteraan awam, terutamanya bagi pembinaan kemudahan pengeluaran dan kapal penyimpanan pengeluaran dan pemunggahan terapung.

Pertumbuhan dalam **penggunaan swasta** dijangka menjadi sederhana tetapi kekal kukuh pada tahun 2013, dengan peningkatan sebanyak 7.1% (2012: 7.7%). Peningkatan yang sederhana ini akan disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang mampan, yang dijangka memperoleh manfaat daripada pertumbuhan yang berterusan dalam sektor berorientasikan dalam negeri dan pemulihan yang dijangkakan dalam industri berorientasikan eksport. Pelaksanaan dasar gaji minimum juga akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan. Harga komoditi yang lebih lemah, bagaimanapun, dijangka menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan penggunaan, terutamanya dalam kalangan isi rumah di luar bandar. Keadaan pasaran pekerja dijangka kekal menggalakkan. Walaupun pelaksanaan dasar gaji minimum mungkin menyebabkan beberapa pelarasan kepada tenaga kerja firma-firma yang terbabit, keadaan guna tenaga secara keseluruhan dijangka kekal stabil disebabkan permintaan terhadap pekerja kekal kukuh. Khususnya, jangkaan keadaan permintaan luar negeri yang bertambah baik akan menyokong guna tenaga dalam sektor berorientasikan eksport.

Bantuan Kerajaan kepada isi rumah yang berpendapatan rendah dan sederhana seperti yang diumumkan dalam Bajet 2013 juga akan menyokong perbelanjaan isi rumah. Bantuan fiskal

Pelaburan dalam Sektor Minyak dan Gas Menyokong Pengeluaran yang Lebih Tinggi

Sektor perlombongan dijangka berkembang sebanyak 5% pada tahun 2013 disebabkan oleh pemulihan dalam pengeluaran gas asli, dan disokong oleh pengeluaran minyak mentah dan kondensat yang lebih tinggi. Peningkatan pengeluaran gas asli disebabkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi daripada beberapa medan gas di luar pesisir Sabah bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi terhadap gas asli cecair dari RR China. Pengeluaran minyak mentah dan kondensat yang lebih tinggi sebahagian besarnya didorong oleh pengeluaran yang baru bermula daripada medan minyak yang lebih kecil dan yang baharu seperti Gumusut-Kakap di Sabah, dan medan minyak yang baharu di Sarawak dan Terengganu.

Pelaburan Swasta di Malaysia: Pemacu dan Kemampanan

Pengenalan

Berikutan penurunan ketara pelaburan swasta di Malaysia akibat dilanda Krisis Kewangan Asia 1997/98, pemulihannya yang beransur-ansur selepas krisis tersebut telah terhenti seketika disebabkan oleh beberapa episod kejutan permintaan global. Ini termasuk meletusnya Gelembung Teknologi (Tech Bubble) pada tahun 2001, tersebarnya wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) pada tahun 2003, dan krisis kewangan global pada tahun 2008/09 (Global Financial Crisis, GFC). Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh pelaburan swasta kepada ekonomi Malaysia adalah lebih sederhana sepanjang tempoh 2001-2011 dan hanya mencakupi purata 11.8% daripada KDNK berbanding dengan purata pelaburan swasta yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 22.9% daripada KDNK pada tempoh 1990-an.

Namun, sejak suku keempat tahun 2011, pelaburan swasta telah muncul sebagai penyumbang penting kepada pertumbuhan negara. Dengan mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2012 (22%), sumbangan pelaburan swasta telah meningkat kepada 15.5% daripada KDNK pada tahun 2012. Momentum pertumbuhan yang kukuh ini mencerminkan sebahagian daripada peralihan yang sedang berlaku dalam ekonomi Malaysia, terutamanya pengukuhan penggunaan swasta dan pempelbagaian dalam struktur eksport Malaysia. Pelaburan swasta bukan sahaja meraih manfaat daripada trend ini, malah turut memperteguh peralihan struktur ini, lantas menyumbang kepada pengukuhan permintaan dalam negeri dan pempelbagaian selanjutnya dalam sumber pertumbuhan ekonomi. Memandangkan pelaburan swasta memainkan peranan penting untuk menambah kapasiti produktif ekonomi, mempercepat kemajuan teknologi dan mewujudkan peluang pekerjaan, justeru rencana ini bertujuan membincangkan penentu utama yang menyumbang kepada peningkatan pelaburan swasta. Penilaian juga dibuat mengenai kemampanan pelaburan swasta pada masa hadapan dan implikasi yang mungkin ada terhadap pertumbuhan ekonomi.

Kajian teori dan penemuan empirikal

Bagi menentukan pendorong utama pelaburan swasta di Malaysia, beberapa model yang telah pun dibentangkan digunakan sebagai rujukan iaitu: (i) *Accelerator model*; (ii) model keuntungan dijangka; (iii) model neoklasik Jorgenson; dan (iv) model Tobin's Q[1]. Kebanyakan daripada model-model ini menekankan pentingnya faktor asas, seperti permintaan, keberuntungan, penggunaan kapasiti dan kos modal, bagi menjelaskan trend pelaburan swasta. Kajian yang lebih terkini juga mengambil kira penentu lain seperti ketidakpastian ekonomi dan ketersediaan pembiayaan.

Kajian empirik sedia ada menunjukkan bahawa pengeluaran, keuntungan dan tahap penggunaan kapasiti secara amnya memberikan kesan positif terhadap pelaburan swasta. Selain itu, keberuntungan yang lebih tinggi dan akses kepada pembiayaan yang lebih meluas memudahkan pelaburan swasta dengan adanya pembiayaan yang lebih tinggi. Kadar faedah yang lebih tinggi dan ketidakpastian ekonomi juga dijangka akan memberikan kesan negatif terhadap pelaburan swasta. Kadar faedah yang lebih tinggi akan meningkatkan kos pinjaman bank dan seterusnya kos modal atau kos melepas perolehan tertahan, manakala ketidakpastian ekonomi pada tahap yang tinggi mungkin mengakibatkan pelaburan ditangguhkan ataupun dikurangkan.

Penentu utama pelaburan swasta di Malaysia

Untuk menganalisis penentu utama pelaburan swasta di Malaysia, regresi linear dianggarkan dengan menggunakan strategi pemodelan am-hingga-khusus (general-to-specific modelling), dengan tumpuan diberikan pada penentu pelaburan penting yang dibincangkan dalam kajian sedia ada. Selaras dengan penemuan empirikal sedia ada, hasil anggaran menunjukkan bahawa,

[1] Lihat Chenery (1952), Chirinko (1993), Serven dan Solimano (1992), Jorgenson (1971) dan Tobin (1969) untuk model pelaburan konvensional dan Guimaraes dan Unteroberdoerster (2006) untuk analisis yang khusus bagi Malaysia.

terdapat empat faktor utama yang memberikan kesan ketara terhadap pelaburan swasta, iaitu: (i) Keberuntungan syarikat; (ii) kadar penggunaan kapasiti[2]; (iii) ketersediaan pembiayaan; dan (iv) tahap ketidakpastian ekonomi.

(i) Keberuntungan syarikat

Menurut kajian sedia ada, keuntungan kendalian, iaitu keuntungan yang diraih daripada operasi perniagaan syarikat, memberikan kesan positif terhadap pelaburan swasta. Kajian empirik turut menunjukkan bahawa keuntungan masa lalu atau semasa digunakan sebagai penunjuk jangkaan keuntungan masa hadapan[3], kerana keuntungan merupakan insentif penting bagi pelaburan dan turut menyumbang kepada ketersediaan pembiayaan dalaman dan luaran. Di Malaysia, data syarikat[4] menunjukkan peningkatan dalam pelaburan swasta mempunyai kaitan positif dengan keuntungan syarikat yang kukuh sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya dalam industri berasaskan sumber dan berorientasikan dalam negeri[5]. Dalam industri berasaskan sumber, terutamanya sektor minyak dan gas, harga komoditi yang tinggi telah menyumbang kepada peningkatan yang ketara dalam keberuntungan, lantas meningkatkan kadar pulangan pelaburan yang dijangka. Sementara itu, aktiviti penggunaan swasta yang kukuh telah menambah keuntungan sektor berorientasikan dalam negeri, terutamanya kelompok berkaitan pengguna dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan, seperti subsektor borong dan runcit, pengangkutan dan telekomunikasi.

(ii) Kadar penggunaan kapasiti

Kadar penggunaan kapasiti juga memberikan kesan positif terhadap pelaburan swasta di Malaysia. Pada tahun 2012, kadar penggunaan kapasiti meningkat kepada 80.8% daripada jumlah keseluruhan kapasiti, lebih tinggi berbanding dengan kadar penggunaan kapasiti purata sebanyak 76.9% pada tahun 2003-2007[6]. Seiring dengan peningkatan kadar penggunaan kapasiti, syarikat perkilangan telah melaksanakan pengembangan kapasiti sejajar dengan permintaan yang meningkat terhadap produk mereka (Rajah 2). Ini paling nyata bagi subsektor perkilangan berorientasikan dalam negeri, seperti kelompok perkilangan berorientasikan pengguna dan berkaitan pembinaan, masing-masing berikutan penggunaan dalam negeri yang lebih kukuh dan pertumbuhan pesat aktiviti berkaitan pembinaan. Di samping itu, kadar penggunaan kapasiti juga kekal tinggi bagi syarikat dalam kelompok perkilangan berkaitan sumber, disokong oleh permintaan serantau yang berdaya tahan.

(iii) Ketersediaan pembiayaan

Akses kepada pembiayaan turut memberikan kesan yang positif dan ketara terhadap pelaburan swasta di Malaysia, kerana akses kepada pinjaman bank[7] membolehkan syarikat memperoleh pembiayaan yang diperlukan untuk pelaburan, terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di mana pinjaman bank merupakan sumber utama pembiayaan bagi keperluan modal kerja dan pelaburan mereka. Persekitaran pembiayaan kekal menyokong pada tahun 2012 dan pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan mencatat pertumbuhan sebanyak 21.4% (purata 2003-2007:5.2%). Yang ketara, pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS berkembang sebanyak 21% pada tahun 2012 (purata 2004-2007: 13.1%), sebahagiannya disokong oleh pelbagai dana dan program yang dilaksanakan oleh

---

[2] Kadar penggunaan kapasiti yang digunakan adalah khusus untuk sektor perkilangan.

[3] Lihat Manjappa dan Niranjan (2010).

[4] Data daripada 250 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan tidak termasuk syarikat yang diklasifikasikan sebagai Perusahaan Awam dalam perangkaan Akaun Negara.


[5] Industri berasaskan sumber merujuk kepada sektor perlombongan, pertanian dan perkilangan berkaitan sumber, manakala industri berorientasikan dalam negeri merujuk kepada sektor perkhidmatan dan perkilangan berkaitan pengguna.

[6] Tempoh 2003-2007 digunakan sebagai tempoh rujukan untuk mengambil kira ketersediaan data dan percubaan untuk mencakup maklumat daripada tempoh yang secara relatifnya "normal".

[7] Meskipun syarikat, terutamanya syarikat besar, diakui turut memperoleh dana daripada pasaran modal, kajian ini tidak merangkum data tersebut kerana data sedemikian tidak menentu.

Rajah 1


Keuntungan Kendalian dan Pelaburan Swasta



Sumber: Bloomberg dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2

Kadar Penggunaan Kapasiti dan Pelaburan Swasta



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pihak berkuasa. Peningkatan berterusan dalam akses kepada pembiayaan bagi perniagaan turut dicerminkan oleh kedudukan Malaysia yang menggalakkan dalam beberapa penarafan antarabangsa yang mengukur "Kemudahan Akses Kepada Pinjaman" (Ease of Access to Loans), termasuk *Laporan Menjalankan Perniagaan (Doing Business Report)* oleh Bank Dunia (kedudukan pada tempat pertama selama lima tahun berturut-turut) dan *Laporan Daya Saing Global (Global Competitiveness Report)* oleh Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum, WEF) (2012-2013: kedudukan ke-8; 2010-2011: kedudukan ke-10).

(iv) Ketidakpastian ekonomi

Pelaburan swasta turut disokong oleh tahap ketidakpastian ekonomi[8] yang rendah di Malaysia sejak beberapa suku tahunan yang lepas (Rajah 4). Meskipun ketidakpastian dalam ekonomi global telah menyebabkan syarikat dalam sektor eksport di Malaysia terjejas teruk, namun aktiviti dalam negeri yang mampan telah menyumbang kepada ketidakpastian ekonomi yang secara relatif lebih rendah bagi syarikat berorientasikan dalam negeri. Faktor lain yang menyumbang kepada ketidakpastian ekonomi yang lebih rendah berkemungkinan disebabkan oleh usaha semasa Kerajaan untuk menambah baik iklim pelaburan perniagaan. Khususnya, pelbagai inisiatif yang bertujuan untuk memperbaik kemudahan menjalankan perniagaan dan menarik pelaburan bermutu dalam aktiviti nilai tambah yang tinggi telah mengukuhkan sentimen perniagaan dan iklim pelaburan dalam negeri. Langkah ini juga telah diperkukuh melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP) yang menyediakan hala tuju yang lebih jelas dan membuka peluang pelaburan untuk perniagaan.


Kemampanan pelaburan swasta dan peranannya terhadap perkembangan ekonomi

Melangkah ke hadapan, beberapa faktor asas yang utama seperti permintaan, keadaan pembiayaan dan iklim pelaburan keseluruhan yang menggalakkan, dijangka terus menyokong pertumbuhan pelaburan swasta. Daya tahan penggunaan swasta juga akan menyokong pengembangan kapasiti dalam sektor berorientasikan dalam negeri, manakala usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran tentang akses kepada pembiayaan dan khidmat nasihat yang disediakan untuk PKS akan terus menyokong aktiviti pelaburan oleh PKS. Selain faktor dalam negeri yang menggalakkan ini, prospek pertumbuhan global yang beransur-ansur bertambah

[8] Ketidakpastian ekonomi diukur menggunakan varians bersyarat yang diperoleh daripada model Garch (1,1) bagi pulangan bulanan dalam KLCI. Penggunaan data pada peringkat firma seperti turun naik pulangan stok sebagai proksi untuk ketidakpastian adalah lazim dalam kajian sedia ada kerana data ini mewakili ketidakpastian yang berkait rapat dengan persekitaran firma, iaitu pulangan aset yang mewakili kesan bagi aspek yang berkaitan dengan persekitaran firma yang penting kepada pelabur (lihat Leahy and Whited (1996)).

Rajah 3


Pengeluaran Pinjaman dan Pelaburan Swasta



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Ketidakpastian Ekonomi dan Pelaburan Swasta



Sumber: Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI), Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

baik juga akan menyumbang ke arah keyakinan perniagaan yang meningkat. Pelaksanaan pembaharuan yang cekap, projek pemangkin di bawah ETP, serta penyediaan dan penaiktarafan infrastruktur secara berterusan juga mampu merangsang pelaburan swasta.

Pertumbuhan pelaburan swasta yang mampan dijangka memberikan manfaat kepada ekonomi Malaysia terutamanya menerusi kemajuan teknologi yang lebih pesat dan peningkatan kapasiti produktif ekonomi. Khususnya, pelaburan yang besar dalam sektor minyak dan gas dalam kedua-dua aktiviti cari gali dan pembangunan huluan, dan pendalaman industri petrokimia hiliran, dijangka menghasilkan kemajuan teknologi yang akan menyumbang secara langsung kepada peningkatan potensi pertumbuhan Malaysia. Pelaksanaan projek infrastruktur yang utama, seperti pengangkutan awam, lapangan terbang, pelabuhan dan telekomunikasi, juga dijangka menambah kapasiti produktif ekonomi secara tidak langsung melalui kesalinghubungan yang lebih baik, di Malaysia ataupun dengan dunia luar. Satu perkembangan yang menggalakkan ialah peningkatan dalam perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (research and development, R&D) (anggaran 2011: mencakupi 0.8% daripada KDNK; 2006: mencakupi 0.6% daripada KDNK), yang berpotensi untuk menyumbang kepada aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi.

Kesimpulan

Pelaburan swasta bertambah kukuh, didorong terutamanya oleh keuntungan syarikat yang teguh, penggunaan kapasiti yang tinggi dalam sektor perkilangan, akses kepada pembiayaan, dan iklim pelaburan yang menggalakkan. Melangkah ke hadapan, faktor asas ini dijangka berterusan, lantas menyediakan sokongan padu kepada pelaburan swasta. Pada masa ekonomi negara sedang melalui transformasi ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi, pelaksanaan kegiatan pelaburan yang akan mempercepatkan kemajuan teknologi dan meningkatkan kapasiti produktif ekonomi adalah penting untuk memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

Rujukan

Chenery, H.B. (1952). 'Overcapacity and the Acceleration Principle', Econometrica, Jilid 20, No. 1.

Chirinko, R.S. (1993). 'Business Fixed Investment Spending: Modelling Strategy, Empirical Results, and Policy Implications', Journal of Econometric Literature, Jilid 31, m.s. 1875-1911.

Guimaraes, R. dan Unteroberdoerster, O. (2006). 'What's Driving Private Investment in Malaysia? Aggregate Trends and Firm Level Evidence', International Monetary Fund Working Paper No. 06/190.

Jorgenson, D.W. (1971). 'Econometric Studies of Investment Behaviour: A Survey', Journal of Economic Literature, Jilid 9, m.s. 1111-1147.

Leahy, J.V. dan Whited, T.M. (1996). 'The Effect of Uncertainty on Investment: Some Stylized Facts', Journal of Money, Credit and Banking, Jilid 28, No.1, m.s. 64-83.

Manjappa, D.H. dan Niranjan, R. (2010). 'Determinants of Investment Pattern in Indian Manufacturing Industries: A Panel Data Study', Indian Journal of Economics and Business, Jilid 9, No. 1, m.s. 219-232.

Serven, L. dan Solimano, A. (1992). 'Private Investment and Macroeconomic Adjustment: A Survey', The World Bank Research Observer, Jilid 7, No. 1, m.s. 1-35.

Tobin, J. (1969). 'A General Equilibrium Approach to Monetary Theory', Journal of Money, Credit and Banking, Jilid 1, m.s. 15-29.

ini termasuk bantuan sebanyak RM500 kepada isi rumah dengan pendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah (Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M 2.0), bantuan persekolahan RM100 kepada pelajar sekolah rendah dan menengah serta sokongan tunai kepada angkatan tentera.

Perbelanjaan awam dijangka menjadi sederhana pada tahun 2013, seiring dengan komitmen Kerajaan terhadap konsolidasi fiskal. Walau bagaimanapun, penggunaan dan pelaburan awam dijangka kekal menyokong pertumbuhan. **Penggunaan awam** dijangka mencatat pertumbuhan positif sebanyak 3.6% pada tahun 2013, disokong oleh perbelanjaan terhadap emolumen, dan bekalan dan perkhidmatan.

Pelaburan awam juga dijangka menjadi sederhana pada tahun 2013 (7.5%). Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan kekal mampan, dan sebahagian besar perbelanjaan tersebut akan terus diagihkan kepada sektor ekonomi, terutamanya untuk menambah baik akses dan kesalinghubungan dalam kedua-dua infrastruktur pengangkutan bandar dan luar bandar. Antara bidang utama perbelanjaan pembangunan yang lain adalah dalam subsektor perdagangan dan industri, seperti menaik taraf kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian. Perbelanjaan dalam sektor perkhidmatan sosial akan terus disalurkan ke dalam subsektor pendidikan dan latihan.

Perbelanjaan modal oleh perusahaan awam (PA) dijangka kekal besar, menyebabkan pelaburan awam secara keseluruhan mencatat pertumbuhan yang stabil. Pelaburan oleh PA mencerminkan pelaksanaan projek infrastruktur utama yang berterusan, terutamanya dalam subsektor tenaga, pengangkutan dan komunikasi. Dalam sektor perlombongan, perbelanjaan modal akan ditumpukan pada segmen huluan dan hiliran, terutamanya dalam pembangunan medan minyak dan gas. Pelaburan dalam subsektor pengangkutan sebahagian besarnya akan ditumpukan pada peluasan rangkaian pengangkutan awam berasaskan rel serta penambahbaikan pesawat secara berterusan oleh syarikat penerbangan negara. Perbelanjaan modal dalam subsektor utiliti adalah terutamanya untuk pembinaan loji kuasa elektrik di Janamanjung dan Prai, manakala pelaburan dalam subsektor komunikasi sebahagian besarnya untuk peluasan selanjutnya dalam liputan perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi.

Aktiviti pelaburan yang lebih tinggi oleh sektor awam dan swasta dijangka memberikan manfaat jangka panjang kepada ekonomi melalui peningkatan kapasiti produktif serta produktiviti ekonomi secara keseluruhan pada masa hadapan.

Permintaan luar negeri bertambah baik

Prospek ekonomi global dijangka bertambah baik pada tahun 2013. Prospek pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih baik dijangka memberikan sokongan kukuh kepada eksport Malaysia. Walau bagaimanapun, unjuran pertumbuhan di bawah paras biasa bagi ekonomi maju utama, dijangka menghalang sebarang pengukuhan selanjutnya dalam aktiviti perdagangan antarabangsa. Dengan harga komoditi utama menjadi lebih rendah, eksport kasar barangan Malaysia dijangka meningkat dengan sederhana sebanyak 1.4% pada tahun 2013.

Permintaan luar negeri dijangka bertambah baik berikutan pemulihan ekonomi global

Eksport perkilangan yang mulai pulih, terutama pada suku keempat tahun 2012, dijangka berterusan dan akan disokong terutamanya oleh eksport perkilangan bukan E&E yang menerima permintaan yang besar daripada ekonomi serantau. Sebaliknya, pertumbuhan eksport E&E akan terus terjejas oleh kelemahan dalam permintaan luar negeri terhadap komputer peribadi, apabila pilihan pengguna beralih kepada peranti telekomunikasi mudah alih, dan pengeluar melaksanakan pelarasan inventori berikutan permintaan yang lemah pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, penguncupan dalam eksport E&E dijangka menjadi sederhana apabila pengeluar terus mempelbagaikan jenis produk keluaran mereka dan beralih kepada subsegmen telekomunikasi mudah alih yang pesat berkembang.

Penguncupan dalam eksport komoditi, yang bermula pada tahun 2012, dijangka berterusan pada tahun 2013, disebabkan terutamanya oleh harga yang terus menurun, terutamanya bagi minyak sawit mentah dan gas asli cecair. Di samping itu, pertumbuhan yang lebih perlahan dalam permintaan global terhadap komoditi, ditambah pula dengan penawaran global yang meningkat dijangka menjejaskan pertumbuhan dalam eksport komoditi.

Variasi dalam Kecenderungan Mengguna Isi Rumah merentas Segmen Pendapatan

Pengenalan

Penggunaan swasta sekali lagi menjadi pemacu utama pertumbuhan pada tahun 2012. Pertumbuhannya yang mantap sebanyak 7.7% disokong terutamanya oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan kenaikan upah yang terus kukuh. Namun, pada peringkat mikro, perkembangan ekonomi dan dasar juga didapati mempengaruhi pendapatan pelbagai segmen isi rumah pada tahap yang berbeza-beza. Kejatuhan harga minyak sawit mentah pada separuh kedua tahun 2012 menjejaskan pendapatan pekebun kecil dalam sektor tersebut, manakala isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan memperoleh manfaat daripada bantuan sebanyak RM500 oleh Kerajaan di bawah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Untuk menilai kesan agregat perkembangan tersebut terhadap pelbagai tahap pendapatan, aspek yang perlu dikenal pasti ialah: (1) magnitud perkembangan tersebut; (2) isi rumah yang terbabit dan kemungkinan perubahan dalam pola perbelanjaan mereka. Untuk mengenal pasti kemungkinan perubahan dalam pola perbelanjaan isi rumah, pengetahuan tentang tindak balas isi rumah terhadap perubahan pendapatan adalah diperlukan, dan ia mungkin berbeza mengikut tahap pendapatan mereka. Rencana ini menjelaskan kepelbagaian dalam kecenderungan mengguna isi rumah terhadap pendapatan, dan perlunya kepelbagaian ini diambil kira apabila menilai kesan kejutan pendapatan.

Kepelbagaian dalam Tingkah Laku Penggunaan Isi Rumah merentas Segmen Pendapatan

Teori secara amnya mengemukakan bahawa isi rumah berhasrat mengekalkan taraf hidup yang stabil dengan mengelakkan turun naik yang keterlaluan dalam perbelanjaan, sebagai tindak balas terhadap perubahan sementara dalam pendapatan mereka. Secara idealnya, isi rumah akan menambah simpanan apabila tahap pendapatannya lebih tinggi hanya untuk sementara waktu, dan akan mengeluarkan simpanan apabila tahap pendapatannya pada tempoh tertentu lebih rendah hanya untuk sementara waktu. Sebaliknya, sesetengah isi rumah akan memasuki pasaran kredit daripada mengeluarkan simpanan mereka. Konsep yang dikenali sebagai pelicinan penggunaan (consumption smoothing) ini menerangkan mengapa turun naik pendapatan yang sementara, sering kali didapati memberikan kesan yang tidak setara terhadap perbelanjaan. Pada hakikatnya, meskipun mereka berhasrat melicinkan perbelanjaan, isi rumah dengan tahap pendapatan yang berbeza mempunyai kemampuan dan kesediaan yang berbeza untuk berbuat demikian. Isi rumah berpendapatan rendah sering kali kurang mampu melicinkan perbelanjaan dan oleh itu, tingkah laku berbelanja mereka menggambarkan bahawa mereka lebih mudah terpengaruh dengan turun naik pendapatan.

Terdapat tiga sebab utama yang menjadi asas pemerhatian ini. Pertama, isi rumah berpendapatan rendah lazimnya tidak mampu menyimpan wang, disebabkan lebih cenderung berbelanja sebahagian besar pendapatan mereka untuk barangan keperluan seperti makanan dan utiliti. Ketidakmampuan untuk mengumpul simpanan yang mencukupi menyebabkan perbelanjaan mereka lebih mudah dipengaruhi oleh perubahan dalam pendapatan. Jika perkhidmatan kredit dianggap tiada, penurunan pendapatan akan mendorong isi rumah yang tiada simpanan untuk mengurangkan perbelanjaannya mengikut jumlah yang sepadan dengan pengurangan pendapatan, manakala isi rumah yang simpanannya mencukupi mempunyai pilihan untuk terus berbelanja menggunakan simpanannya. Kedua, dalam konteks keadaan pasaran kredit yang tidak sempurna, akses kepada kredit bagi isi rumah berpendapatan rendah juga lebih terhad, kerana pendapatan semasa dan pendapatan masa hadapan yang lebih rendah serta kekurangan kemampuan memperoleh cagaran untuk peminjaman. Apabila menghadapi kejutan pendapatan negatif, isi rumah yang mempunyai akses kepada kredit yang terhad perlu mengurangkan perbelanjaan mereka dalam magnitud yang lebih besar, berbanding dengan isi rumah yang mampu meminjam. Akhir sekali, kajian mendapati bahawa tingkah laku berbelanja bagi pelbagai tahap pendapatan turut dipengaruhi oleh tahap celik kewangan. Isi rumah berpendapatan rendah yang mempunyai tahap celik kewangan yang rendah, berkemungkinan besar tidak membeli insurans, mempunyai keupayaan yang lebih rendah untuk menyimpan

wang dan lebih cenderung untuk membuat peminjaman pada kos yang lebih tinggi daripada yang sepatutnya. Apabila digabungkan, semua faktor ini akan menghalang kemampuan isi rumah berpendapatan rendah untuk melicinkan penggunaan apabila menghadapi kejutan pendapatan yang tidak dijangka, sekaligus menjadikan perbelanjaan mereka lebih mudah dipengaruhi oleh kejutan pendapatan, berbanding dengan golongan berpendapatan tinggi.


Bukti Empirik untuk Isi Rumah di Malaysia

Fungsi penggunaan merentas kumpulan pendapatan dianggarkan bagi menggambarkan perbezaan tingkah laku berbelanja isi rumah pada pelbagai tahap pendapatan. Anggaran ini dilakukan dengan menggunakan keratan lintang bagi 21,641 isi rumah yang dikategorikan kepada tujuh golongan pendapatan berdasarkan data daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (Household Expenditure Survey, HES) 2009/2010. Dalam spesifikasi empirik, penggunaan dianggarkan berdasarkan faktor pendapatan, kredit dan kekayaan, serta peringkat kitaran hayat isi rumah.

Rajah 1 menunjukkan keputusan kajian, iaitu keanjalan pendapatan yang dianggarkan berbanding dengan kecenderungan mengguna sut (marginal propensity to consume, MPC) merentas kumpulan pendapatan. Isi rumah berpendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan secara puratanya akan berbelanja RM0.81 daripada setiap tambahan pendapatan RM1. Ini jauh lebih tinggi berbanding dengan anggaran yang sama, iaitu RM0.18 untuk isi rumah yang berpendapatan melebihi RM10,000 sebulan.

Rajah 1

MPC daripada Pendapatan Merentas Kumpulan Pendapatan




Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan HES 2009/2010, Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2 menunjukkan nisbah makanan kepada pendapatan dan kadar simpanan isi rumah merentas kumpulan pendapatan. Panel kiri menunjukkan hubungan negatif antara nisbah makanan kepada pendapatan, iaitu proksi bagi sejauh mana pendapatan dibelanjakan untuk barangan keperluan, dengan pendapatan. Panel kanan menunjukkan hubungan positif yang jelas antara kemampuan/keinginan untuk

Rajah 2

Pola Perbelanjaan dan Simpanan Merentas Kumpulan Pendapatan




Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan HES 2009/2010, Jabatan Perangkaan Malaysia

menyimpan wang dengan pendapatan. Hasil kajian ini menyokong ramalan *a priori* bahawa isi rumah berpendapatan rendah didapati lebih mudah dipengaruhi oleh kejutan pendapatan. Hasil kajian ini juga selaras dengan hipotesis awal bahawa isi rumah berpendapatan rendah lazimnya mempunyai simpanan yang sedikit, kerana kebanyakan mereka berbelanja untuk barangan keperluan.

Secara keseluruhan, perbezaan yang ketara dalam MPC merentas segmen pendapatan menunjukkan bahawa penggunaan MPC malar merentas semua kumpulan pendapatan boleh memberikan keputusan empirik yang tidak tepat. Keadaan ini boleh digambarkan melalui penilaian terhadap kesan agregat BR1M, iaitu pemberian RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan pada tahun 2012. Dua senario kesan BRIM telah dinilai. Senario 1 menggunakan MPC yang dianggarkan untuk setiap tiga kumpulan pendapatan yang menerima bayaran RM500. Senario 2 menggunakan MPC malar 0.51, iaitu nilai purata merentas semua kumpulan pendapatan, untuk isi rumah dalam ketiga-tiga kumpulan pendapatan. Perbezaan dalam kesan yang dianggarkan bagi kedua-dua senario ditunjukkan dalam Carta 3[1]. Kesan di bawah Senario 1, iaitu RM1.4 bilion, lebih besar berbanding anggaran RM1.1 bilion di bawah Senario 2, kerana senario pertama lebih mudah dipengaruhi oleh variasi dalam MPC merentas kumpulan pendapatan yang berbeza.

Rajah 3

Potensi Kesan BR1M Menggunakan MPC Berubah dan MPC Malar



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan HES 2009/2010, Jabatan Perangkaan Malaysia

Kesimpulan

Bukti empirik menunjukkan bahawa tindak balas penggunaan isi rumah terhadap pendapatan nyata sekali berbeza, iaitu perbelanjaan isi rumah berpendapatan rendah didapati paling dipengaruhi oleh perubahan pendapatan. Hal ini menandakan bahawa dasar kerajaan baru-baru ini seperti 1Azam dan BR1M, selain mencapai objektif kebajikan yang dikehendaki, dasar ini turut memberikan kesan terhadap agregat penggunaan swasta. Melangkah ke hadapan, dengan negara menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, rangka kerja dasar semasa juga perlu dilengkapi dengan sistem jaringan keselamatan sosial yang lebih menyeluruh. Inisiatif seumpama ini akan mendorong kemajuan ekonomi yang juga lebih inklusif.

[1] Anggaran di bawah kedua-dua senario hanya menggambarkan kesan langsung dasar terhadap penggunaan swasta. Terdapat juga manfaat daripada kesan pusingan kedua melalui keuntungan dan guna tenaga yang lebih tinggi dalam sektor berkaitan penggunaan, yang tidak ditunjukkan dalam contoh ini.


Kesan Potensi Dasar Gaji Minimum terhadap Ekonomi Malaysia

Pendahuluan

Malaysia telah melaksanakan dasar gaji minimum pada 1 Januari 2013[1], sekaligus menyertai lebih daripada 150 negara lain yang telah melaksanakan undang-undang gaji minimum. Menerusi dasar ini, gaji minimum ditetapkan pada RM900 sebulan (RM4.33 sejam) untuk Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan (RM3.85 sejam) untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, yang meliputi tenaga kerja tempatan serta asing, kecuali pekhidmat domestik seperti pembantu rumah dan tukang kebun. Dasar ini bertujuan memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga mereka dipenuhi, memberikan ganjaran dan melindungi mereka daripada dieksploitasi, dan mendorong firma agar bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai dengan membuat pelaburan dalam teknologi serta mempertingkat produktiviti[2].

Rajah 1


Kenaikan Gaji Pekerja yang Terlibat dengan Polisi Gaji Minimum



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2

Peratusan Pekerja yang Mendapat Gaji Kurang daripada Gaji Minimum Mengikut Sektor (Semenanjung Malaysia)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gaji minimum membabitkan hampir satu pertiga tenaga kerja

Dianggarkan kira-kira 27% pekerja di dalam negara[3] akan meraih manfaat daripada dasar gaji minimum. Secara purata, pekerja di Semenanjung Malaysia yang terbabit dijangka menerima kenaikan gaji sebanyak 33%, manakala pekerja di Malaysia Timur menerima kenaikan sebanyak 38%. Mengikut sektor ekonomi, industri pertanian dijangka menerima kenaikan gaji yang paling tinggi kerana 43% pekerja dalam sektor itu menerima gaji yang lebih rendah daripada gaji minimum sebelum dasar ini dilaksanakan.

Gaji minimum akan menambah kebajikan pekerja dan menyokong transformasi ekonomi

Dasar gaji minimum dijangka memainkan peranan penting untuk menangani ketidakcekapan dalam pasaran pekerja, dan mempertingkat kebajikan pekerja berpendapatan rendah. Pertama, menetapkan paras minimum bagi gaji akan mengurangkan herotan dalam pasaran pekerja dan memaksimumkan kecekapan penggunaan pekerja dalam ekonomi. Apabila gaji yang ditentukan secara artifisial lebih rendah daripada paras produktiviti, ia akan menyebabkan kadar penyertaan pekerja yang rendah dalam ekonomi kerana pekerja kurang dorongan untuk menyertai pasaran pekerja. Dalam keadaan tertentu, gaji telah ditentukan pada paras yang begitu rendah sehingga pekerja

[1] Nota: Untuk perusahaan mikro, tarikh pelaksanaan ditetapkan pada 1 Julai 2013. Sejumlah 635 syarikat dan ahli persatuan terpilih yang dikehendaki melaksanakan gaji minimum pada 1 Januari 2013 telah diberikan pelanjutan tempoh. Tarikh akhir bagi perusahaan mikro menyerahkan permohonan untuk pelanjutan tempoh adalah pada 1 April 2013.

[2] Sumber: Kementerian Sumber Manusia.

[3] Sumber: Bank Negara Malaysia.

tempatan digantikan dengan pekerja asing yang dibayar gaji yang lebih rendah. Di Malaysia, gaji benar mencatat kenaikan yang lebih perlahan berbanding dengan pertumbuhan produktiviti pekerja benar, terutama dalam sektor perkilangan, yang mencatat kenaikan gaji secara purata sebanyak 2.4% setahun sepanjang sedekad lalu, manakala produktiviti pekerja secara purata meningkat sebanyak 5.0% setahun pada tempoh yang sama[4]. Paras gaji yang lebih tinggi susulan pelaksanaan dasar gaji minimum dijangka menggalakkan penyertaan pekerja yang lebih tinggi dalam pasaran pekerja serta penggunaan pekerja yang lebih cekap dalam ekonomi.

Kedua, kenaikan gaji pekerja berpendapatan rendah pada paras yang dapat memenuhi keperluan asas mereka akan meningkatkan kebajikan ekonomi pekerja dengan meninggikan taraf hidup mereka. Dari perspektif makroekonomi, kenaikan gaji juga akan meningkatkan penggunaan dan menyokong permintaan dalam negeri, kerana kumpulan berpendapatan rendah mempunyai kecenderungan mengguna sut (Marginal Propensity to Consume, MPC) yang lebih tinggi *(lihat rencana mengenai Variasi dalam Kecenderungan Mengguna Isi Rumah Merentas Segmen Pendapatan*).

Ketiga, selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi dan berproduktiviti tinggi, dasar gaji minimum memberikan insentif kepada firma serta pekerja untuk melaksanakan langkah peningkatan produktiviti. Apabila kos relatif antara modal dengan pekerja menurun, firma mungkin lebih cenderung melabur dalam automasi dan teknologi lebih baharu yang berupaya menambah kapasiti pengeluaran, dan bukan sekadar bergantung pada tenaga pekerja asing yang bergaji rendah. Firma juga mungkin terdorong untuk menyediakan latihan bagi meningkatkan kemahiran dan produktiviti pekerja mereka. Apabila firma kurang bergantung pada pekerja berpendapatan rendah yang tidak mahir, mereka mungkin sebaliknya didorong untuk bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai untuk lebih berdaya saing. Bagi pekerja pula, ketersediaan lebih banyak pekerjaan pada gaji yang lebih tinggi dan kewujudan potensi untuk memperoleh kemahiran lebih tinggi mungkin menggalakkan mereka menyertai industri yang sebelum ini kurang mendapat perhatian. Perubahan ini akan membantu transformasi Malaysia menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

Kos pelarasan jangka pendek dijangka terkawal

Dalam jangka masa pendek, dasar gaji minimum akan menyebabkan firma menanggung tekanan kos lebih tinggi, terutamanya bagi firma yang amat bergantung pada pekerja bergaji rendah. Ini menyebabkan pelarasan diambil melalui beberapa cara, termasuk menyerap kenaikan kos dengan mengurangkan margin, menambah produktiviti, mengurangkan kos keseluruhan dengan menambah kecekapan, dan mengurangkan bilangan pekerja. Firma juga boleh sedikit sebanyak memindahkan kenaikan kos kepada pengguna. Pilihan ini mungkin tidak berapa sesuai bagi firma yang menghadapi persekitaran persaingan pasaran yang sengit. Bagi firma yang lebih intensif pekerja dan mengalami kekangan kewangan, pelarasan segera terhadap dasar ini mungkin menyebabkan langkah mengurangkan kos diambil atau jika wajar, menerusi langkah memindahkan kos.

Menurut beberapa kajian mengenai kesan dasar gaji minimum di negara lain, dasar ini memberikan kesan negatif yang kecil terhadap guna tenaga, khususnya bagi pekerja muda dan pekerja berkemahiran rendah. Magnitud kesan ini berbeza mengikut negara ekoran perbezaan pada ciri-ciri pasaran pekerja dan persekitaran ekonomi semasa. Bagi Malaysia, meskipun mungkin wujud risiko guna tenaga menjadi lebih rendah, kesan ini dijangka hanya sementara dan terkawal kerana asas-asas ekonomi negara yang kukuh. Permintaan terhadap pekerja dijangka terus meningkat dalam persekitaran semasa yang dicirikan oleh pertumbuhan mampan dan pengangguran rendah. Sebarang pelarasan pada guna tenaga akibat dasar gaji minimum dijangka bersifat sementara, kerana pekerja yang diberhentikan akan diserap semula

[4] Sumber: Pengawasan Ekonomi Malaysia (Malaysia Economic Monitor) oleh Bank Dunia (World Bank), April 2012.

memandangkan pasaran pekerja yang agak ketat. Malah, kekosongan jawatan mencatat trend yang meningkat sejak tahun 2004[5], manakala kadar pengangguran Malaysia kekal rendah secara konsisten dengan purata 3.3% sepanjang dua dekad yang lalu.

Inflasi Malaysia yang rendah dan stabil, serta margin keuntungan firma yang kukuh, akan terus membantu mengurangkan tahap pemindahan kos kepada pengguna. Magnitud kenaikan harga juga akan dibendung oleh tahap pelarasan yang dibuat oleh firma yang lebih besar yang secara umumnya peneraju harga dan lazimnya kurang terjejas oleh dasar gaji minimum.

Hasil kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia[6] pada bulan Mei 2012 menunjukkan bahawa kesan dasar gaji minimum akan dapat dikawal. Lebih 90% firma yang bakal terbabit menyatakan bahawa mereka tidak akan memberhentikan pekerja sebagai tindak balas terhadap dasar ini, manakala hanya 25% menyatakan bahawa mereka akan mengurangkan pengambilan pekerja. Kaji selidik itu juga menunjukkan bahawa kira-kira separuh firma yang bakal terbabit tidak merancang untuk memindahkan kenaikan kos kepada pengguna. Lebih penting, hampir 50% firma yang bakal terbabit menyatakan bahawa mereka merancang untuk menambah latihan bagi meningkatkan kecekapan pekerja, manakala 40% menyatakan mereka akan menambah automasi sebagai langkah untuk mengimbangi kenaikan kos pekerja. Hasil kaji selidik mengesahkan jangkaan bahawa firma akan mampu membuat pelarasan dasar gaji minimum, pada peringkat agregat, menerusi beberapa mekanisme pelarasan tanpa mengalami sebarang gangguan ekonomi yang ketara.

Kesimpulan

Dalam tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang, dasar gaji minimum dijangka memberikan kesan positif terhadap ekonomi Malaysia. Kos dan risiko jangka pendek dasar gaji minimum terhadap inflasi dijangka dapat dikawal dengan baik. Kesannya terhadap kos perniagaan pula dijangka kecil kerana impak kenaikan gaji akan dapat dikurangkan menerusi peningkatan produktiviti. Memandangkan isi rumah yang berpendapatan rendah mempunyai MPC yang lebih tinggi, peningkatan pendapatan pekerja yang terbabit dijangka menghasilkan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi dan aktiviti ekonomi yang lebih giat.

Dasar gaji minimum akan menjadi langkah positif ke arah menggalakkan struktur gaji yang lebih saksama, dan menyumbang kepada penggalakan aktiviti ekonomi nilai ditambah lebih tinggi dan pekerjaan berkemahiran lebih tinggi. Bagi mencapai matlamatnya, dasar ini diperlengkap selanjutnya oleh langkah peningkatan produktiviti lain, seperti menyediakan latihan untuk menambah kemahiran pekerja, meningkatkan mutu pendidikan, dan memudahkan pelaburan dalam automotasi dan teknologi canggih. Berbekalkan sokongan kerajaan dan keinstitusian, serta penyeliaan dan penguatkuasaan yang wajar, matlamat dasar gaji minimum dijangka dapat dicapai.

[5] Kekosongan jawatan merujuk kepada bilangan jawatan yang diiklankan di portal JobsMalaysia, yang dilaporkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

[6] Bank Negara Malaysia melaksanakan kaji selidik Gaji Minimum pada bulan Mei 2012. Sebanyak 232 firma mengambil bahagian.

Eksport perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan pengangkutan dan perjalanan, dijangka meningkat pada tahun 2013. Perkhidmatan pengangkutan akan memperoleh manfaat daripada jangkaan jumlah eksport yang lebih tinggi, manakala perkhidmatan perjalanan akan disokong oleh ketibaan pelancong yang lebih tinggi berikutan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014. Secara keseluruhan, eksport barangan dan perkhidmatan diunjurkan mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 2% pada tahun 2013.

Import kasar barangan diunjurkan meningkat tetapi pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 5.7% pada tahun 2013. Selepas mengalami penguncupan pada tahun 2012, import barangan pengantara, yang membentuk sebahagian besar daripada import Malaysia, dijangka berubah arah untuk mencatat peningkatan pada tahun 2013, apabila pengeluar meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi pesanan eksport yang meningkat serta untuk menambah inventori. Peningkatan aktiviti pelaburan dan penggunaan dalam negeri, walaupun lebih sederhana berbanding dengan tahun 2012, akan terus menyokong pertumbuhan import kasar pada tahun 2013. Aktiviti pelaburan, khususnya, akan terus menyebabkan wujudnya permintaan untuk import, terutamanya import barangan modal bagi sektor minyak dan gas, perkilangan serta perkhidmatan. Dengan pengguna terus mencatat pertumbuhan pendapatan yang mampan, import barangan penggunaan juga dijangka meningkat. Walau bagaimanapun, import perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan. Secara keseluruhan, import barangan dan perkhidmatan dijangka berkembang sebanyak 5.4% pada tahun 2013.

Aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan dijangka menjadi lebih kecil pada tahun 2013, apabila syarikat Malaysia yang melabur dalam sektor perlombongan, perkhidmatan dan perkilangan dijangka memberikan sumbangan yang lebih tinggi kepada aliran masuk pendapatan, berikutan prospek ekonomi yang bertambah baik di rantau ini. Keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia dijangka mampan berikutan pemulihan dalam eksport perkilangan.

Dengan import berkaitan pelaburan terus kukuh, dan eksport yang mencatat pemulihan yang sederhana, lebihan akaun semasa dalam imbangan pembayaran

Jadual 4.2

Perdagangan Luar Negeri

	2012*a*	2013*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**0.6**	**1.4**
antaranya:		
Perkilangan	3.1	4.1
Pertanian	-15.3	-13.1
Mineral	1.9	-0.5
Import kasar	**5.9**	**5.7**
antaranya:		
Barangan modal	20.5	18.5
Barangan pengantara	-3.4	1.9
Barangan penggunaan	11.6	9.6
Imbangan perdagangan	**-23.7**	**-26.1**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4.3

Imbangan Pembayaran

	2012*a*	2013*r*
	RM bilion	
Barangan	125.2	102.3
Perkhidmatan	-13.4	-12.7
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**111.9**	**89.6**
Pendapatan	-33.7	-27.2
Pindahan semasa	-18.2	-19.6
Imbangan akaun semasa	**60.0**	**42.7**
% daripada PNK	***6.6***	***4.4***
Akaun modal	0.1	
Akaun kewangan	-22.5	
Imbangan akaun modal dan kewangan	**-22.5**	
Kesilapan dan ketinggalan	-33.6	
antaranya:		
Pengurangan nilai rizab disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing	*-7.7*	
Imbangan keseluruhan	**3.9**	

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pada tahun 2013 dijangka berjumlah RM42.7 bilion atau 4.4% daripada PNK. Lebihan akaun semasa yang lebih rendah juga mencerminkan defisit yang berterusan, walaupun lebih rendah, dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan.

Prospek Inflasi

Inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara 2 – 3% pada tahun 2013. Unjuran inflasi yang lebih tinggi ini mengambil kira jangkaan kenaikan harga global bagi komoditi makanan terpilih dan pelarasan terhadap harga ditadbir dalam negeri. Tekanan harga berasaskan permintaan dijangka menjadi sederhana. Julat ramalan inflasi yang lebih luas mencerminkan bertambahnya ketidaktentuan dalam persekitaran luar dan dalam negeri, terutamanya dari segi pergerakan harga makanan dan tenaga global, dan masa serta magnitud pelarasan terhadap harga ditadbir.

Dari segi faktor luaran, faktor utama yang mendorong inflasi ialah harga komoditi makanan terpilih, manakala harga minyak mentah dan inflasi di negara rakan import dijangka secara relatif kekal stabil. Laporan Prospek Makanan edisi November 2012 yang diterbitkan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Food and Agriculture Organisation of the United Nations, FAO) mengunjurkan harga bagi makanan terpilih, terutamanya jagung dan gandum, akan kekal tinggi pada tahun 2013, akibat keadaan cuaca yang buruk dan simpanan stok yang rendah. Harga jagung dan gandum yang berada pada paras yang tinggi secara beterusan mungkin akan mendorong kenaikan harga daging dalam negeri menerusi kos makanan haiwan yang lebih tinggi.

Inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi tetapi masih kekal pada paras sederhana

Harga purata minyak mentah global dijangka menurun dengan sederhana pada tahun 2013 berikutan bekalan minyak dunia yang dijangka melebihi permintaan. Permintaan terhadap minyak mentah diunjurkan lebih tinggi dalam ekonomi sedang pesat membangun, terutamanya di RR China, berikutan prospek pertumbuhan yang lebih baik dalam ekonomi-ekonomi ini. Walau bagaimanapun, keadaan ini sedikit sebanyak akan diimbangi oleh permintaan yang lebih rendah dalam ekonomi maju berikutan aktiviti ekonomi yang lembap. Sementara itu, bekalan minyak global akan terus meningkat, berikutan penyambungan operasi pengeluaran minyak di Sudan Selatan dan pengeluaran tambahan daripada medan minyak baharu di Brazil. Laporan Prospek Ekonomi Dunia (World Economic Outlook, WEO) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) yang dikemas kini pada bulan Januari 2013 mengunjurkan minyak mentah global akan didagangkan pada harga purata[1] USD100 setong pada tahun 2013, rendah sedikit daripada harga purata USD105 setong pada tahun 2012. Tekanan inflasi yang berpunca dari rakan import utama Malaysia juga dijangka terkawal pada tahun 2013. Inflasi yang diunjurkan lebih tinggi bagi ekonomi sedang pesat membangun, berikutan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mampan dan pelarasan terhadap harga ditadbir dalam ekonomi-ekonomi ini, akan diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah dalam ekonomi maju. Keadaan lebihan kapasiti dan permintaan yang lemah dijangka menyebabkan tekanan harga yang rendah dalam ekonomi maju. Tekanan harga luaran yang lebih sederhana akan memberi pengeluar lebih fleksibiliti untuk mengurus kos operasi keseluruhan mereka, tanpa perlu menaikkan harga runcit dengan ketara.

Dari segi faktor domestik, Kerajaan dijangka melaksanakan sistem subsidi yang lebih khusus pada tahun 2013, yang akan membawa kepada beberapa pelarasan terhadap harga barangan ditadbir. Kesan keseluruhan terhadap inflasi bergantung pada masa dan magnitud pelarasan harga ini. Walau bagaimanapun, pelarasan ini dijangka kecil dan akan dilaksanakan secara beransur-ansur, dan dengan itu, tidak akan memberikan kesan yang ketara terhadap paras harga secara keseluruhan. Kesan pelaksanaan dasar gaji minimum terhadap jumlah kos firma juga dijangka sederhana (lihat rencana tentang Impak Potensi Dasar Gaji Minimum terhadap Ekonomi Malaysia).

Tekanan harga yang berpunca daripada faktor permintaan juga dijangka terkawal, seiring dengan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana. Penggunaan swasta akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang keseluruhannya stabil

[1] Harga purata minyak mentah Brent, Dubai dan West Texas Intermediate (WTI), dengan wajaran yang sama.

dan bantuan Kerajaan kepada isi rumah terpilih yang dirangkumi dalam Bajet 2013. Jurang keluaran akan menjadi lebih kecil sejajar dengan perkembangan ekonomi pada kadar yang hampir kepada pertumbuhan potensi (lihat rencana tentang Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia). Oleh itu, inflasi akan meningkat pada tahun 2013, tetapi pada kadar yang sederhana disebabkan oleh pelaburan berterusan bagi meningkatkan kapasiti dan pendapatan yang lebih sederhana sedikit ekoran harga komoditi yang lebih rendah.

Risiko inflasi yang lebih tinggi yang berpunca daripada faktor luar dan dalam negeri juga wajar dipertimbangkan. Di luar negara, harga makanan dan tenaga global mungkin meningkat dengan ketara jika berlaku gangguan terhadap bekalan komoditi global. Musim kemarau yang berpanjangan di negara pengeluar makanan utama dan kemunculan semula risiko geopolitik di rantau Timur Tengah dan wilayah Afrika Utara (Middle East and North Africa, MENA) mungkin menyumbang kepada harga yang lebih tinggi. Di dalam negeri pula, risiko inflasi yang lebih tinggi juga mungkin berpunca daripada pelarasan terhadap harga ditadbir yang lebih besar daripada jangkaan, terutamanya jika harga minyak mentah global meningkat dengan ketara. Terdapat risiko bahawa tekanan harga berasaskan permintaan boleh menjadi lebih tinggi sekiranya pemulihan yang dicatat dalam sektor luar lebih kukuh daripada jangkaan. Meskipun wujudnya risiko ini, Malaysia mengunjurkan inflasi akan kekal sederhana kerana sebarang pelarasan yang dibuat dijangka adalah kecil dan akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh yang berlanjutan. Oleh itu, kesan terhadap inflasi adalah minimum, lantas mewujudkan persekitaran makroekonomi yang stabil.

DASAR MONETARI

Persekitaran operasi dasar monetari pada tahun 2013 akan terus dipengaruhi oleh pemulihan ekonomi yang tidak seimbang dalam ekonomi dunia, turun naik yang berterusan dalam pasaran kewangan dan komoditi, aliran modal dalam jumlah yang besar, dan perkembangan ekonomi dalam negeri. Ekonomi Malaysia memasuki tahun 2013 dengan kedudukan yang kukuh, sekali gus menyediakan asas bagi pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan. Inflasi dalam negeri dijangka lebih tinggi, tetapi masih dalam keadaan terkawal. Walaupun terdapat risiko inflasi menjadi lebih tinggi yang berpunca daripada faktor luar dan dalam negeri, inflasi pada suku terakhir bagi tahun 2012 serta pada awal tahun 2013 masih rendah di sekitar 1.2% hingga 1.3%. Dasar monetari pada tahun 2013 akan tertumpu pada usaha menangani kemungkinan risiko kepada inflasi dan pertumbuhan.

Pada peringkat global, pertumbuhan dijangka bertambah baik pada tahun 2013. Walaupun keadaan kembali bertambah baik baru-baru ini, prestasi ekonomi negara maju masih tidak seimbang, dihalang oleh kelemahan struktur yang sedia ada, serta kekangan yang berterusan dalam kewangan awam. Pelaksanaan dasar untuk menyelesaikan krisis hutang kerajaan di Eropah terus menjadi cabaran yang ketara, serta keadaan fiskal di AS yang masih amat tidak pasti. Di Asia, walaupun terjejas oleh kejutan luaran, kegiatan ekonomi dijangka terus berkembang, disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan pemulihan secara beransur-ansur dalam sektor luaran.

Dasar monetari pada tahun 2013 akan tertumpu pada usaha menangani kemungkinan risiko kepada inflasi dan pertumbuhan

Pada tahun 2013, ekonomi Malaysia dijangka berkembang di sekitar 5-6%. Permintaan dalam negeri akan terus menerajui pertumbuhan, manakala jangkaan pemulihan yang beransur-ansur dalam sektor luaran akan memberikan sokongan tambahan kepada ekonomi. Pelaburan swasta dijangka kekal kukuh, didorong oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor berorientasikan dalam negeri, pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang berterusan, serta permintaan luar negeri yang secara beransur-ansur bertambah baik. Penggunaan swasta dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana, disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan keadaan guna tenaga yang stabil. Kedudukan fiskal Kerajaan yang terus diperkukuh dijangka akan mengurangkan pertumbuhan perbelanjaan sektor awam. Risiko utama kepada prospek pertumbuhan adalah daripada sektor luaran, kerana kekukuhan pemulihan dalam ekonomi-ekonomi maju yang dilanda krisis kewangan akan terus menjadi sumber utama kepada ketidakpastian terhadap prospek pertumbuhan.

Inflasi dijangka terus meningkat, tetapi kekal sederhana di sekitar 2-3% pada tahun 2013. Tekanan menaik terhadap inflasi daripada faktor bekalan dijangka berpunca terutamanya daripada kenaikan harga global bagi komoditi makanan terpilih, yang akan menyumbang ke arah kos dalam negeri yang lebih tinggi. Walaupun permintaan dalam negeri yang mampan mungkin memberikan tekanan ke atas harga dalam negeri, kesannya dijangka tidak ketara kerana peningkatan yang lebih sederhana dalam penggunaan dan pelaburan. Pelaburan yang berterusan oleh firma-firma untuk meningkatkan kapasiti produktif mereka juga akan menyumbang ke arah membendung tekanan harga. Walau bagaimanapun, terdapat risiko yang akan memberikan kesan terhadap inflasi sekiranya risiko ini berlaku. Ini termasuk gangguan bekalan yang boleh menyebabkan kenaikan harga komoditi utama. Kesan ke atas inflasi dalam negeri akan bergantung pada sejauh mana firma mampu mengimbangi peningkatan kos melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan, dan sejauh mana pengeluar menyerap kenaikan kos.

Faktor-faktor ini akan diambil kira dalam menentukan pendirian dasar monetari yang wajar. Berdasarkan Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS) yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) pada bulan Mac 2013, kadar semasa Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) adalah wajar untuk prospek inflasi dan pertumbuhan. Selain keadaan dalam negeri, MPC telah menyatakan bahawa ia akan terus menilai perkembangan ekonomi dan kewangan global dengan teliti serta implikasinya terhadap prospek keseluruhan untuk inflasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

DASAR FISKAL

Dasar fiskal pada tahun 2013 terus tertumpu pada usaha mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dalam negeri untuk tempoh terdekat dan memudahkan transformasi ekonomi jangka panjang, dan pada masa yang sama memastikan kemampanan kewangan awam. Sehubungan dengan itu, usaha digembleng ke arah memaksimumkan kecekapan sumber fiskal dan memperkukuh pengurusan fiskal. Dengan persekitaran luar yang mencabar, sektor awam terus mengutamakan usaha menyokong permintaan dalam negeri, dengan memberikan lebih penekanan pada usaha meningkatkan kapasiti produktif negara yang merupakan penggerak penting dalam proses peralihan Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi. Pada masa yang sama, reformasi fiskal sedang dilaksanakan untuk meningkatkan fleksibiliti dasar dan memastikan kemampanan fiskal. Reformasi tersebut, walaupun penting, harus dilaksanakan secara beransur-ansur dan teratur

Jadual 4.4

Kewangan Kerajaan Persekutuan


	RM bilion		Perubahan %	
	2012*a*	2013*B*	2012*a*	2013*B*
Hasil	207.9	208.7	12.1	0.4
Jumlah perbelanjaan	252.5	249.7	10.2	-1.1
Perbelanjaan mengurus	*205.5*	*201.9*	*12.6*	*-1.8*
Perbelanjaan pembangunan kasar	*46.9*	*47.8*	*1.1*	*1.7*
Terimaan balik pinjaman	2.6	1.0		
Imbangan keseluruhan	**-42.0**	**-40.0**		
% daripada KDNK	**-4.5**	**-4.0**		
Sumber pembiayaan:				
Peminjaman dalam negeri bersih	43.3	-		
Peminjaman luar negeri bersih	-0.1	-		
Harta boleh jual[1] dan pelarasan	-1.3	-		

[1] Tanda negatif (-) menunjukkan pertambahan dalam aset
a Awalan
B Bajet
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan

Rajah 4.3

Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



a Awalan
B Bajet

Sumber: Kementerian Kewangan

bagi memastikan langkah ini tidak mengakibatkan gangguan terhadap ekonomi.

Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka terus kukuh kepada 4% daripada KDNK pada tahun 2013 berbanding dengan 4.5% daripada KDNK pada tahun 2012. Pungutan hasil dijangka kekal kukuh berikutan perolehan korporat yang stabil dalam perkembangan ekonomi yang berdaya tahan dan langkah penambahbaikan cukai yang sedang dilaksanakan. Hasil yang lebih tinggi daripada jangkaan, seperti tahun-tahun kebelakangan ini, dijangka terus memberikan sokongan kepada rancangan konsolidasi fiskal. Dalam usaha Kerajaan mengurangkan peranannya dalam ekonomi secara beransur-ansur, jumlah perbelanjaan dijangka menurun sedikit pada tahun 2013. Pembiayaan defisit fiskal akan diperoleh terutamanya daripada sumber dalam negeri dengan adanya mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan tabungan yang tinggi dalam ekonomi dalam negeri.

Bagi memastikan penggunaan sumber fiskal yang cekap, Bajet 2013 terus tertumpu pada usaha mempertingkat kapasiti produktif ekonomi dalam negeri. Inisiatif utama untuk mempercepat aktiviti pelaburan sedang dilaksanakan dengan memberikan lebih banyak tumpuan pada usaha menggalakkan aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi dan pelaburan berkualiti oleh sektor swasta. Tumpuan khusus diberikan pada usaha mempercepat pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Peruntukan telah dibuat untuk memperkukuh akses kepada pembiayaan bagi sektor perniagaan, termasuk insentif untuk menggalakkan terbitan bon runcit dan sukuk runcit. Terbitan bon runcit dan sukuk runcit tersebut akan menyumbang kepada pendalaman pasaran modal Malaysia, selain menawarkan pilihan instrumen yang lebih pelbagai kepada pelabur runcit, termasuk isi rumah. Penekanan khusus turut diberikan pada pengukuhan modal insan melalui galakan pendidikan awal kanak-kanak, latihan, dan penyelidikan dan pembangunan bagi membina kecekapan yang diperlukan dan meningkatkan kebolehpasaran dalam ekonomi yang pesat berkembang.

Bajet 2013 juga memberikan penekanan pada usaha mencapai pertumbuhan yang inklusif sepanjang proses transformasi ekonomi. Lebih banyak perbelanjaan sosioekonomi yang disasarkan diperuntukkan, terutamanya untuk golongan miskin, golongan kurang bernasib baik dan golongan yang kurang mendapat perhatian, bagi mengukuhkan jaring keselamatan sosial. Ini termasuk meningkatkan ketersediaan perumahan mampu milik dan menggalakkan pemilikan kediaman, memperluas jaring keselamatan sosial dan mempertingkat kemudahan kesihatan awam.

Reformasi fiskal yang sedang dilaksanakan termasuk konsolidasi defisit fiskal kepada sasaran 3% daripada KDNK menjelang tahun 2015, melalui penilaian semula sistem cukai secara menyeluruh, rasionalisasi subsidi dan langkah untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan. Pada tahun 2012, Jawatankuasa Pemandu Kemampanan Fiskal Jangka Panjang, sebuah jawatankuasa antara agensi, telah ditubuhkan untuk memberikan tumpuan pada strategi pengurangan keberhutangan sektor awam. Antara bidang yang dikaji semula termasuklah pentadbiran pinjaman perumahan kakitangan awam. Sementara itu, Kerajaan Persekutuan turut memanfaatkan pelbagai program bantuan teknikal yang disediakan oleh institusi pelbagai hala untuk mempertingkat piawaian pengurusan fiskal di Malaysia, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Melangkah ke hadapan, pelaksanaan secara beransur-ansur reformasi kewangan awam yang sedang dilaksanakan akan memberikan tahap fleksibiliti dasar yang lebih tinggi, yang merupakan perkara yang penting khususnya dalam persekitaran global yang tidak menentu.